



## Negeri Sembilan terima anugerah Antarabangsa di Switzerland



MUKA 6



## Konflik enam ahli parlimen PPBM

MUKA 5



## JPKKOA terima RM315,000 dari kerajaan negeri

MUKA 9



## Pencapaian SPM 2023 Negeri Sembilan terbaik di Malaysia

MUKA 4



# AIR NEGERI SEMBILAN CUKUP ATAU TIDAK?

MUKA 2 DAN 3

## ERAT sediakan peruntukan RM460,000 untuk aktiviti perpaduan



MUKA 9

# Analisa: SAINS mencetus perubahan air di Negeri Sembilan

ISU air sering menjadi pertikaian di kalangan rakyat. Kita sering mendengar bahawa ada lagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan air bahkan ada yang masih menggunakan air sumber bawah tanah seperti di Kelantan dan Kedah.

Negeri Sembilan juga tidak terlepas dari isu air. Cuma persoalannya, apakah Negeri Sembilan sama seperti negeri-negeri yang menyuruh rakyatnya menggali sendiri air bawah tanah untuk kegunaan harian?

Hari ini, Negeri Sembilan mempunyai sebuah syarikat yang menguruskan perkhidmatan air kepada pengguna iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan atau SAINS.

SAINS telah diperbadankan sebagai syarikat awam di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965 pada 15 Mac 2007.

Pada 19 September 2008, SAINS telah bertukar menjadi sebuah syarikat persendirian dengan nama Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.

SAINS telah dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih peranan dan fungsi pengurusan sistem bekalan air di Negeri Sembilan daripada Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) mulai 1 Januari 2009.

SAINS dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Incorporation (MBI).

SAINS telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dibawah Seksyen 9 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA 2006).

Pada tahun 2009, jajaran bekalan air di Negeri Sembilan telah mencapai 98% dan pada tahun 2024 telah mencapai 99.9%.

Baki 0.01% adalah di kawasan yang tidak memerlukan rangkaian paip seperti di kawasan pendalaman walaupun terdapat komuniti orang asal.

Maka, SAINS telah mencapai tahap persediaan yang terbaik bagi urusan membekalkan bekalan air berterusan yang



memenuhi piawaian kebangsaan, dan secara ekonomik untuk seluruh warga Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, SAINS tetap berdepan dengan masalah gangguan bekalan air di kawasan-kawasan tertentu. Begitu juga dengan pencemaran di sungai atau sumber air yang disalurkan ke loji rawatan air yang memaksa SAINS menutup paip-paip saluran kepada pengguna bagi mengelakkan air tercemar digunakan oleh rakyat Negeri Sembilan.

Isu paip pecah juga menjadi antara masalah yang sentiasa di hadapi oleh SAINS. Oleh kerana SAINS mengambil alih dari JBANS, semua aset-aset yang lama juga diambil alih oleh SAINS termasuk paip-paip yang lama sejak tahun 1970an.

Bagi sesetengah tempat atau taman perumahan yang telah wujud sejak tahun 80an dan 90an, hari ini banyak terjadinya kes paip pecah yang memerlukan SAINS untuk membaikinya dalam masa yang ditetapkan.

Jika diikutkan kepada Stan-

dard Operation Procedure (SOP) SAINS, mereka sememangnya mempunyai tatacara kerja yang sangat efektif (Rujuk jadual 1).

Bagi sebuah syarikat yang mempunyai kekuatan kakitangan yang melebihi 1,000 orang, dan mempunyai pusat operasi di setiap daerah Negeri Sembilan, ini akan memudahkan lagi urusan SAINS untuk memastikan segala aduan berkenaan masalah perkhidmatan air dapat di selesaikan.

Cuma, SAINS sering menjadi *punching bag* apabila gangguan yang berlaku dalam tempoh yang panjang.

Hakikatnya, gangguan yang berlaku dalam tempoh yang panjang adalah berpunca dari pencemaran sungai yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tanggungjawab SAINS adalah memastikan air bersih sampai kepada pengguna.

Bagaimana SAINS ingin meneruskan bekalan air jika air telah tecemar? Sekarang anda sudah tahu apa isu yang sebenar.

Jadual 1

KPI PENYELESAIAN MENGIKUT JENIS-JENIS ADUAN	TEMPOH PENYELESAIAN
Aduan Berkaitan Bil	3 hari bekerja
Kebocoran dan Kerosakan Paip Perhubungan	1 hari
Kebocoran dan Kerosakan Paip Utama	24 jam (Paip bersaiz 8 inci) 36 jam (Paip bersaiz 8 inci hingga 24 inci) 48 jam (Paip bersaiz melebihi 24 inci)
Masalah Bekalan Air	3 hari

*Naratif Kiro*

Air adalah hak asasi rakyat!

Ketua Editor:

**Ahmad Shahir Mohd Shah**

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

**TIMBALAN** Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasir sudah turun hampir seluruh negeri untuk melihat projek-projek yang terkait infrastruktur bekalan air kepada rakyat.

Setiap negeri itu berbeza-beza isunya walaupun peruntukan dari Kerajaan Persekutuan diberikan mengikut keutamaan.

Ada negeri yang berjaya menyiapkan projek mengikut masa. Ada juga negeri yang memberi alasan projek lewat sehingga dikategorikan sebagai sakit.

Ramai yang tidak faham apa yang berlaku sehingga ada yang menyalahkan YB Akmal seolah-olah beliau mencari salah kerajaan negeri.

Hakikatnya, apa sahaja projek yang berlaku di atas tanah negeri, ia pasti jabatan atau agensi yang terlibat. Semua agensi dan jabatan mempunyai akses terus kepada Menteri Besar.

Kebanyakan operator air di negeri-negeri adalah syarikat yang berkaitan kerajaan negeri. Jika YB Akmal turun memantau, dan projek-projek tersebut adalah projek sakit, kerajaan negeri harus dipertanggungjawabkan.

Apapun alasan kerajaan negeri, projek-projek berkait infrastruktur air di negeri adalah tanggungjawab negeri.

Pengarah Badan Kawal Seliaair (BKSA) dan syarikat operator air wajib bekerjasama dan memastikan setiap masalah yang berkaitan perlu mendapat perhatian Menteri Besar.

Ini bukan sekadar projek untuk kontraktor. Tetapi air adalah hak asasi rakyat. Kerajaan wajib bertanggungjawab.

# Kesan bau minyak di Sungai Batang Penar dari kilang

**SEREMBAN:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) menemui kesan bau minyak di Sungai Batang Penar yang disyaki punca operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi, dekat Port Dickson terpaksa dihentikan 5 Mei lalu.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, bau yang sama dijumpai di sebuah kilang, namun tidak menemui puncanya.

"JAS Negeri Sembilan menerima maklumat kira-kira jam 7.30 pagi mengenai pencemaran itu sebelum menggerakkan pasukan jam 9.30 pagi bagi mengesan puncanya.

"Pasukan siasatan JAS bersama Badan Kawal Selia Air (BKSA) menjalankan pemeriksaan di lembangan Sungai Linggi sebelum menemui bau disyaki bahan bakar sama ada petrol atau diesel di Sungai Batang Penar," katanya seperti dilaporkan *Harian Metro*.



Tambah beliau, pasukan penyiasat kemudiannya menjalankan pemeriksaan ke kilang yang berhampiran kawasan penemuan.

Sebuah kilang dikesan menghasilkan bau sama pada air sungai. Bagaimanapun, punca pencemaran tidak dapat ditemukan, hanya terdapat kesan minyak dan bau yang disyaki petrol atau diesel di dalam longkang di dalam kawasan premis," katanya.

Justeru beliau berkata, tiga sampel diambil untuk analisa komposisi iaitu di Sungai Batang Penar, longkang dalam premis dan longkang keluar daripada premis.

"Arahan dikemukakan kepada premis bagi tindakan serta merta untuk membendung apa-apa efluen keluar daripada premis ke longkang awam. Siasatan diteruskan," katanya.

Terdahulu media melaporkan operasi LRA Sungai Linggi, terpaksa dihentikan sementara waktu selepas mengesan bau minyak yang tinggi iaitu sebanyak 19 ton.

Pusat Khidmat Pelanggan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) memaklumkan, susulan masalah kualiti air mentah itu, berlaku gangguan bekalan air di sekitar Port Dickson dan kawasan sekitarnya.

## Respons tentang SAINS



"Terkait dengan keadaan air di Negeri Sembilan, saya sebagai pengguna air di Rembau, ingin menjelaskan bahawa sepanjang saya tinggal di sini tidak ada gangguan bekalan air yang ketara.

Setiap kali kerja-kerja penambahbaikan contohnya terhadap pembesaran paip air ataupun kebocoran di mana-mana lokasi, selalunya SAINS akan memaklumkan kepada penduduk setempat melalui aplikasi WhatsApp.

Satu penyebaran yang cepat, kami sebagai penduduk boleh membuat persediaan yang sewajarnya.

Mengikut dapatan yang saya ketahui apabila berlaku hujan lebat akan berlaku gangguan bekalan air kerana segala kelodak dalam kolam takungan SAINS itu akan menghalang proses tapisan yang seterusnya.

Alhamdulillah, Saya sebagai pengguna air di Rembau tidak terganggu kerana penyelenggaraan SAINS yang cekap.

Walaupun rumah saya dekat dengan Kawasan Industri Chembong, tetapi tiada masalah dengan masalah bekalan air bersih.

**ADNAN ABD RAHMAN**  
Pesara Kerajaan



"Pada pendapat saya, kualiti air di Negeri Sembilan lebih baik dan berkualiti berbanding negeri-negeri pembangkang.

Saya pernah tinggal di sebuah negeri lain dan kualiti air di Negeri Sembilan jauh lebih baik.

Seandainya kita menggunakan penapis air, kita boleh lihat kualiti air di penapis (filter) yang tidak terlalu kotor."

**NURUL AIN ZAMRI**  
Pegawai Pentadbiran



"Saya puas hati dengan perkhidmatan air SAINS di Jempol. Kalau ada kes pecah paip pun, kebiasaannya dalam beberapa jam bekalan air akan disambung semula.

Sekiranya ada proses penyelenggaraan, SAINS akan memaklumkan terlebih dahulu kepada pengguna melalui notis pemberitahuan.

**MOHD AZHARI ABD LATIP**  
Penjawat Awam



"Saya rasa tiada masalah gangguan bekalan air di Kuala Pilah. Jarang kali lah berlaku kes pecah paip atau gangguan bekalan air.

Air pun jernih dan bersih. Saya berpuas hati dengan kualiti dan bekalan air di Negeri Sembilan walaupun baru-baru ini ada sedikit kenaikan tarif air."

**NOR AZLI YUSOH**  
Pekerjaan Sendiri

### KRONOLOGI PERUBAHAN DARI JABATAN BEKALAN AIR NEGERI SEMBILAN KEPADA SAINS



### FAKTA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG PAIP DAN TANGKI YANG DIMILIKI OLEH SAINS

KOLAM IMBANGAN		TANGKI SERVIS		TANGKI SEDUTAN		RUMAH PAM	
Aktif	Tidak Aktif	Aktif	Tidak Aktif	Aktif	Tidak Aktif	Aktif	Tidak Aktif
36	2	432	110	195	29	229	11
<b>KESELURUHAN= 1044</b>							

Dengan jumlah kolam imbalan, tangka servis, tangki sedutan dan Rumah pam yang baru dan lama yang masih aktif, ini menunjukkan **SAINS sentiasa menambah kapasiti perkhidmatan** bagi memastikan tiada sebarang gangguan bekalan air di mana-mana kawasan dalam Negeri

JENIS PAIP	PANJANG PAIP MENGIKUT TAHUN (KM)		
	2014	2019	2024
AC	4,291.13	3,892.48	4,095.77
MSCL	2,588.69	3,487.29	3,774.13
HDPE	691.24	805.04	907.83
UPVC	250.02	283.87	421.68
CI	23.06	22.24	22.24
GI	4.27	6.72	6.13
DI	139.53	226.06	223.75
LAIN-LAIN	398.40	745.26	553.27
<b>TOTAL</b>	<b>8,386.34</b>	<b>9,468.96</b>	<b>10,004.81</b>

Paip yang telah disediakan dalam rangkaian paip yang sampai kepada pengguna. Sehingga hari ini, **10,004.81KM** jajaran paip yang ada di seluruh Negeri Sembilan (**99.9%** kawasan yang menerima bekalan air bersih)

# Pencapaian SPM 2023 Negeri Sembilan terbaik di Malaysia

**SEREMBAN:** Pencapaian keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan lebih baik berbanding tahun 2022.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Gred Purata Negeri (GPN) bertambah dengan pencapaian 4.33 mata pada tahun lalu berbanding 4.50 mata pada 2022.

"Ini menunjukkan bahawa pencapaian SPM Tahun 2023 adalah lebih baik berbanding SPM Tahun 2022 dengan peningkatan 0.17 mata.

"Peningkatan 0.17 mata ini merupakan peningkatan paling tinggi dalam tempoh 10 tahun sejak tahun 2014.

"Tahniah kepada semua pihak yang terlibat.



"GPN 4.33 mata ini juga adalah melepasi Gred Purata Nasional SPM Tahun 2023 iaitu 4.60," kata Aminuddin.

Menurut Aminuddin, pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) sudah pasti disumbangkan oleh pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS)

Daerah.

"Sukacita saya mengumumkan pencapaian GPS Daerah bagi SPM Tahun 2023 dengan susunan pencapaian PPD terbaik di Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

i. PPD Rembau mencatat

GPS Daerah 3.60 mata.

(Menurun -0.03 berbanding 3.57 pada 2022)

ii. PPD Kuala Pilah mencatat GPS Daerah 4.11 mata.

(Meningkat 0.34 berbanding 4.45 pada 2022)

iii. PPD Seremban mencatat GPS Daerah 4.26 mata.

(Meningkat 0.15 berbanding 4.41 pada 2022)

iv. PPD Tampin mencatat GPS Daerah 4.55 mata.

(Meningkat 0.22 berbanding 4.77 pada 2022)

v. PPD Jempol Dan Jelebu mencatat GPS Daerah 4.56 mata.

(Meningkat 0.23 berbanding 4.79 pada 2022)

vi. PPD Port Dickson men-

catat GPS Daerah 5.00 mata.

(Meningkat 0.10 berbanding 5.10 pada 2022)

"Berdasarkan keputusan ini, PPD Rembau yang mencatat 3.60 mata kekal menanggung pencapaian terbaik GPS Daerah bagi SPM Tahun 2023.

"Semua PPD yang lain telah mencatatkan peningkatan GPS Daerah SPM Tahun 2023 dan saya maulkan pencapaian GPS Daerah, PPD Kuala Pilah telah mencatatkan peningkatan GPS Daerah selama tujuh tahun berturut-turut sejak tahun 2017.

"Tahniah dan syabas diucapkan kepada calon, warga pendidik, PPD dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan di atas pencapaian ini," ujar Aminuddin lagi.

## Amazon Web Services bangun pusat data di Negeri Sembilan



**PUTRAJAYA:** Pada 2 Mac 2023, Amazon Web Services (AWS) mengumumkan pelaburan berjumlah RM25.5 bilion (USD6 bilion) di Malaysia.

Justeru itu, Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi AWS, diketuai Naib Presiden Global Public Policy AWS, Michael Punke.

"Dalam pertemuan ini saya dimaklumkan mengenai status kemajuan pelaburan AWS di Malaysia yang diumumkan tahun lalu berjumlah RM25.5 billion untuk tempoh 15 tahun bermula 2023.

"Ini antara lain melibatkan pemba-

ngunaan pusat data di Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur, yang berjalan mengikut perancangan.

"Sayugia, Malaysia mengalu-alukan pelaburan dan kerjasama strategik AWS dalam menyokong ekosistem transformasi digital terkini seperti Cloud Computing, Internet of Things (IoT), 5G dan Generative Artificial Intelligence (AI).

"Ini penting bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam arus perdana kemajuan teknologi terkini setanding dengan negara-negara maju yang lain," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

## Vaksin AstraZeneca: Jangan cepat buat rumusan

**PUTRAJAYA:** Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menggesa orang ramai agar tidak cepat membuat rumusan berkaitan kenyataan oleh Firma Farmaseutikal AstraZeneca (AstraZeneca) berhubung kesan sampingan vaksin tersebut.

"Penggunaan vaksin ini mempunyai manfaat dan kebaikannya.

"Kes kesan sampingan itu juga adalah pada kadar kebarangkalian 0.88 peratus dalam sejuta orang.

"Saya minta fikirkan secara logik, pembuktian, saintifik, baik buruknya, pro dan kontra serta dalam perspektif," katanya.

Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan meminta penjelasan daripada AstraZeneca berhubung vaksin Covid-19 yang mereka bangukan selepas menyebabkan kesan sampingan jarang berlaku.

"Kita akan meminta wakil AstraZeneca untuk membuat penjelasan yang lebih teliti dan secara telus kepada

semua rakyat serta media.

"Mereka mesti bertanggungjawab seperti mana kita juga mesti bertanggungjawab.

Tak ada apa yang mahu kita sembunyikan dan pertahankan mereka," jelas Dzulkefly.

Menurut Dzulkefly, AstraZeneca perlu memberikan penerangan dan pencerahan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, tetapi juga secara global.

Sebelum ini, AstraZeneca dilaporkan mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin Covid-19 yang mereka bangukan boleh menyebabkan kesan sampingan jarang berlaku.

AstraZeneca menghadapi saman atas dakwaan vaksin yang dibangunkan bersama Universiti Oxford kerana boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Peguam berhujah, vaksin itu menghasilkan kesan sampingan yang memberi kesan buruk kepada sebilangan kecil individu.

# Konflik enam ahli parlimen PPBM

**APAKAH** yang berlaku di dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sebenarnya? Satu demi satu Ahli Parlimen mereka menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Parlimen tersebut adalah Ahli Parlimen Tanjong Karang, Zulkafperi Hanapi, Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang), Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar), Suhaili Abdul Rahman (Labuan), Azizi Abu Naim (Gua Musang) dan Zahari Kechik (Jeli).

Mereka menyatakan bahawa sokongan yang diberikan adalah bagi kebaikan kawasan yang diwakili mereka.

Keenam-enam MP Bersatu mengambil keputusan tersebut selepas Anwar menggesa pimpinan PN berunding dengan kerajaan berhubung soal peruntukan wakil rakyat komponen itu, perkara sama yang pernah dibuat ketika pentadbiran Ismail Sabri Yaakob yang menandatangani perjanjian

persefahaman (MoU) transformasi dan kestabilan politik.

Tetapi mustahil perkara ini tidak menaikkan darah sesiapa, ataupun menarik perhatian sesiapa.

Oleh itu, PPBM meminta enam Ahli Parlimen Bersatu yang menyokong Perdana Menteri Anwar telah melanggar perlembagaan parti yang menyebabkan mereka untuk mengosongkan kerusi masing-masing.

Tambahan, Setiausaha Agung Bersatu, Hamzah Zainudin berkata kedudukan mereka "belum selamat" seperti didakwa Ahli Parlimen Labuan YB Suhaili Abdul Rahman.

Hamzah menegaskan Bersatu telah meluluskan pindaan pada mesyuarat agung khas Bersatu 2 Mac lalu terhadap 10 perlembagaan yang akan melucutkan serta-merta keahlian wakil rakyatnya jika menyatakan sokongan kepada pihak bertentangan dengan pendirian parti.

Walaupun bagaimanapun,

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul berkata enam ahli parlimen Bersatu yang menyokong Perdana Menteri tidak perlu mengosongkan kerusi mereka kekal sebagai ahli parlimen.

Katanya lagi, "Pada saya selagi mereka kata mereka tidak 'lompat', dia tidak meninggalkan partinya, nyatakan secara bertulis yang mereka masih ahli Bersatu, di sokong Perdana Menteri, Jadi apa masalahnya?" ujarnya kepada media sempena

pertemuan khas di Parlimen pada 19 Februari lalu.

Namun begitu, beliau mencadangkan supaya mereka menyatakan secara bertulis bahawa mereka masih kekal ahli parti tersebut dan tidak bertindak keluar parti.

## 909 Generasi Baharu Felda berpeluang miliki rumah

**SEREMBAN:** Kebajikan dan keperluan para peneroka Felda menjadi keutamaan Kerajaan Negeri melalui pelan inisiatif Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan.

EXCO (Kanan) Kema-juan Desa, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, antara perkara terpenting yang sedang Kerajaan Negeri laksanakan

adalah penyelesaian isu Perumahan Generasi Baharu Felda atau PGBF.

"Rentetan daripada itu, hasil perbincangan dan laporan status terkini pelaksanaan PGBF di Negeri Sembilan, saya ingin memaklumkan bahawa sebanyak 909 unit rumah bakal disediakan bagi generasi baharu Felda untuk tahun 2024 ini.

"Ia merangkumi 70 unit

PGBF di Felda Pasoh 2, 239 unit di Felda Bukit Jalor, 300 unit di Felda Bukit Rokan Utara dan 300 unit di Felda Palong 8.

"Saya akan terus memantau dan memastikan isu-isu melibatkan Felda ini terus diperkemas dari semasa ke semasa," kata Jalaluddin yang juga ADUN Pertang.

## Terminal 1 bakal berwajah baharu, tempat menunggu berhawa dingin



**SEREMBAN:** Terminal Bas dan Teksi Seremban (Terminal 1) bakal berwajah baharu apabila projek naik taraf siap pada Mac 2025.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan & Pengangkutan, J.Arul Kumar berkata, kerja-kerja menaiktaraf yang sedang dijalankan akan memberikan satu imej baharu kepada pusat pengangkutan utama negeri dan juga kepada bandar Seremban.

"Kerja-Kerja menaiktaraf ini dijangka selesai pada penghujung 31 Mac 2025, iaitu hampir 10 bulan daripada sekarang.

"Kerja-kerja menaiktaraf ini termasuk kerja mengecat keseluruhan bangunan Terminal 1 tersebut termasuk kawasan parkir bertingkat.

"Selain itu, beberapa kemudahan lain juga akan dilaksanakan seperti dewan menunggu

berhawa dingin, gerai-gerai yang akan diubahsuai dan lain-lain lagi," jelas beliau.

Menurut Arul Kumar lagi, Sistem Tiket Berpusat atau Centralised Ticketing System (CTS) juga telah dilaksanakan dan berjalan dengan lancar.

"Selepas siap kerja-kerja menaiktaraf, CTS ini ditambah dan akan wujudkan beberapa mesin pembelian tiket yang akan memudahkan urusan pembelian tiket," ujarnya yang juga ADUN Nilai.

Arul Kumar berkata demikian selepas meninjau kerja-kerja menaiktaraf yang sedang dijalankan di Terminal 1.

Turut bersama beliau, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Mas Midyawan Yahya.

## Sambutan 25 tahun PKR meriah tetapi cermat



**SENTUL:** Sambutan ulang tahun ke-25 Parti Keadilan Rakyat yang diadakan di Sentul Depot, Kuala Lumpur terima sambutan yang meriah.

Walaupun begitu, majlis tersebut masih diadakan secara cermat dan berhemah.

Pengerusi Sambutan 25 Tahun Keadilan, Wong Chen berkata, pada asalnya acara tersebut mahu dilakukan di Padang Merdeka, tetapi ia boleh jadi 'abuse of power'.

"Jadi kita ambil Sentul kerana ia merupakan tempat persendirian yang dekat dan harga berpatutan.

"Lebih 5,000 orang hadir yang terdiri daripada orang awam dan anggota parti.

"Fokus anjuran ini juga bukanlah tertumpu kepada parti sahaja, tetapi ia terbuka kepada semua Ahli Parlimen dan ADUN Keadilan untuk mendengar keluhan rakyat," kata Wong Chen.

# Negeri Sembilan terima pengiktirafan antarabangsa

**GENEVA:** Kerajaan Negeri Sembilan telah menerima pengiktirafan antarabangsa melalui Program Advokasi dan Jangkauan di 'World Summit on the Information Society'.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Negeri Sembilan menjadi juara bagi kategori 5 iaitu 'Action Line C5-Membina Keyakinan dan Keselamatan dalam Penggunaan ICT'.

"Saya berasa bangga serta terharu dengan kejayaan yang dicapai ini.

"Kejayaan yang dicapai ini sudah tentu merupakan satu pengiktirafan besar dunia kepada Malaysia khususnya Negeri Sembilan dalam inisiatif yang dibangunkan oleh (Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Negeri Sembilan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya Orang Asli di Negeri Sembilan.

"Pencapaian tertinggi ini juga membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dan MCMC bagi mengatasi jurang dan meningkatkan literasi digital di kalangan penduduk, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman seiring memacu Gerbang Digital Negeri Sembilan.

"Saya menzahirkan ucapan penghargaan dan syabas kepada pihak yang terlibat dalam program ini terutamanya MCMC Negeri Sembilan kerana telah berjaya mengharumkan nama Negeri Sembilan di peringkat antarabangsa, kata Amiruddin.



Ahli Parlimen Port Dickson itu turut berharap kejayaan ini dapat memberikan inspirasi kepada semua ter-

utama komuniti di Negeri Sembilan dalam memanfaatkan Internet kepada tujuan kebaikan dan mem-

perkasakan masyarakat digital di Negeri Sembilan.

## Pengamal media terima RM2 juta sempena HAWANA



**KUCHING:** Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi pengamal media di negara ini sempena Hari Wartawan Nasional (HAWANA).

"RM1 juta adalah bagi Tabung Kasih@HAWANA bagi membantu veteran dan pengamal media yang uzur dan kesempitan hidup.

"RM1 juta lagi adalah peruntukan kepada Pusat Latihan Kecemerlangan BER-NAMA bagi menganjurkan kursus dan latihan berkaitan kecerdasan buatan (AI) untuk pengamal media," kata Anwar.

Anwar turut tambah, pendirian Malaysia dalam

isu geopolitik semasa serta pendekatan kerajaan terhadap propaganda pelampau politik dan memastikan kebebasan suara dalam menjalankan tugas untuk memastikan demokrasi terus subur dan matang.

"Oleh itu, saya menyeru supaya media perlu mempunyai batasan agar tidak memecah-belah serta menyebabkan permusuhan antara kaum dan agama yang boleh merosakkan keharmonian negara," ujar Anwar.

Sambutan Hari Wartawan Nasional ini disambut meriah dengan kehadiran lebih daripada 1,000 pengamal media tempatan dan antarabangsa.

## Kerajaan MADANI diinspirasi dari Kerajaan Islam Kota Madinah



**SEREMBAN:** Kerajaan Perpaduan MADANI yang terbina pada hari ini adalah berkonsepkan atau diinspirasi dari Kerajaan Islam di Kota Madinah pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Itu adalah antara intipati menarik yang dikongsikan oleh pendakwah terkenal dari Indonesia, Profesor Dr.Ustaz Abdul Somad dalam program khas ceramah di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi malam tadi.

Beliau juga berbangga akan kehadiran para muslimin dan muslimat yang ramai memenuhi stadium meskipun cuaca dalam keadaan hujan.

"Kalau subuh orang datang ke surau dan masjid itu biasa, tapi kalau saat hujan orang datang ke stadium (basah), itu hanya ada di Seremban, Negeri Sembilan," kata Abdul Somad.

Sementara itu, walaupun dalam keadaan hujan, ia tidak menghalang

lebih 10,000 muslimin dan muslimat membanjiri stadium.

Tinjauan Negeri Kita mendapati orang ramai yang hadir terdiri daripada pelbagai golongan termasuk warga emas, wanita, belia dan kanak-kanak yang datang dengan ibu bapa.

Ahmad Shafie Abd Malik, 18, berkata beliau teruja untuk hadir ke program ceramah ini.

"Sebelum ini saya hanya berpeluang untuk mendengar ceramah beliau di media sosial atau YouTube.

"Tetapi ini kali pertama beliau datang ke Seremban dan saya tidak mahu melepaskan peluang untuk mendengar ceramah beliau secara live.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan di atas usaha membawa Ustaz Abdul Somad ke Negeri Sembilan," kata pemuda tersebut.

# Enam pengendali rangkaian mudah alih tawar kemudahan internet bersepadu



**KUALA KUBU BHARU:** Sebanyak 102 buah menara telekomunikasi bakal ditingkatkan liputan rangkaian daripada empat kepada enam pengendali rangkaian mudah alih (MNO).

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, perkara ini telah beliau perjuangkan dan janjikan sejak tahun lepas.

"Usaha ini adalah bukti komitmen Kementerian Komunikasi dan semua MNO iaitu Celcom Digi, Maxis, U-Mobile, Telekom Malaysia dan YTL Communications dalam menyediakan liputan perkhidmatan internet.

"Sepanjang tempoh pengujian ini, penambahbaikan pada rangka kerja akan

dilaksanakan secara berterusan berdasarkan maklum balas yang diterima setiap MNO.

"Di bawah Kerajaan MADANI, usaha kami tetap buat kemaslahatan rakyat," kata Fahmi di Majlis Pra Pelancaran Rangka Kerja Perkongsian Rangkaian dan Infrastruktur semasa di Kuala Kubu Bharu tempoh hari.

## Kejadian pokok tumbang semakin kerap

**JIKA** diperhatikan, kebelakangan ini kita sering disajikan isu kejadian pokok tumbang yang berlaku di dalam negara kita.

Lebih menyayatkan apabila terdapat kejadian pokok tumbang yang memakan nyawa pengguna jalan raya.

Jika kita lihat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian pokok tumbang di seluruh negara kita.

Faktor yang paling memainkan peranan pada waktu ini adalah kerana keadaan cuaca yang tidak menentu.

Pada musim panas lalu, kita tidak melihat sebarang kejadian pokok tumbang, tetapi apabila musim hujan isu pokok mula muncul di negara kita, saban hari isu ini semakin hangat diperkatakan.

Disebabkan hujan yang diterima hari demi hari, ia membuatkan tanah tidak mampu menampung jumlah takungan air yang banyak sekaligus menyebabkan ia terhakis secara tidak langsung menyebabkan akar pokok turut tercabut daripada cengkamanannya.



Selain itu, faktor lain yang memainkan peranan adalah kerana kurangnya pengawasan daripada pihak berkuasa sehingga menyebabkan kejadian yang sepatutnya boleh dibendung awal tetapi terjadi.

Di Negeri Sembilan pula, oleh kerana isu ini semakin kerap terjadi, baru-baru ini ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, J.Arul Kumar telah men-

garahkan supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenalpasti pokok yang berisiko tumbang.

"Pemantauan pokok di tanah-tanah rizab juga akan dilakukan secara berterusan dan sekiranya ia mendatangkan bahaya, tindakan sewajarnya akan diambil.

"Ini kerana kebanyakan kemalangan ini berlaku adalah berpunca daripada pokok-pokok yang berada di atas tanah persendirian," kata Arul.

## Konflik Iran-Israel: Dirancang atau takdir?



**KONFLIK** Iran-Israel yang sedang berlaku di Timur Tengah merupakan satu lagi perkara yang perlu dipandang serius oleh semua pihak. Hal ini adalah untuk kita ketahui adakah perkara yang berlaku satu demi satu ini hanyalah sekadar wayang atau ianya memang sudah tertulis.

Segala-galanya bermula dengan serangan yang dilakukan oleh rejim zionis di Syria yang menyebabkan kematian seorang Pegawai Kanan Kor Pengawal Revolusi Iran (IRGC), Sayyed Razi Mousavi.

Oleh sebab itu, Iran telah bertekad untuk melakukan serangan balas ke atas negara haram itu bagi menuntut bela atas kematian pegawai kanannya.

Pada tarikh 14 April lalu, ketika sebahagian penghuni bumi sedang lena diulit mimpi, Iran telah mengotakan janjinya dengan menyerang Iron Dome milik Israel.

Disebabkan serangan itu, majoriti rakyatnya dilihat lari bertempian menyelamatkan diri, walaupun pada awalnya mereka mengatakan bahawa mereka sedia menghadapi serangan tersebut.

Benarlah kata pepatah, mereka menuai hasil tanaman mereka sendiri.

Selepas itu, kita dapat lihat bahawa konflik an-

tara dua negara timur tengah ini seperti sudah reda, tetapi kita sekali lagi dikejutkan dengan kematian Presiden Iran, Ebrahim Raisi bersama lapan pegawai kanan beliau dalam nahas helikopter yang berlaku.

Walau bagaimanapun, Israel menafikan bahawa terdapat campur tangan mereka dalam insiden terbabit. Sekali gus menjadikan kemalangan itu kekal misteri yang menyebabkan pelbagai spekulasi bermain.

Namun apakah sebabnya kedua-dua negara ini seolah-olah bermati-matian berperang sesama sendiri? Secara teorinya ini semua hanyalah wayang semata-mata, kerana apabila Iran menyerang Israel, Amerika Syarikat sebagai rakan karib kepada negara Yahudi tersebut mempunyai matlamat yang jelas bagi memasuki Iran dan melakukan serangan ke atas mereka.

Ini menjadikan pendudukan negara haram Israel ke atas Palestin lebih mudah.

Ada teori lain mengatakan bahawa tangan-tangan ghaib yang berniat untuk merampas dan memiliki nuklear di negara ini.

Di sisi lain, adakah ini permulaan kepada segala peperangan yang akhirnya mewujudkan Perang Dunia Ketiga?.

## Cha sokong kelas 'Sifar Peralihan', wajib kuasai Bahasa Melayu



**RASAH:** Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin menyokong usaha Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban bagi mencapai sasaran kelas 'Sifar Peralihan' menjelang tahun 2027.

Namun kata Cha, kebersamaan dan kerjasama semua pihak termasuk pihak pentadbiran sekolah, guru-guru dan ibu bapa amat diperlukan untuk mencapai sasaran ini.

"Seringkali saya menekankan bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan kita, wajib untuk semua anak Malaysia menguasai Bahasa Melayu.

"Murid-murid di SJKC dan SJKT juga perlu diberikan ruang dan peluang untuk menguasai dan memperkasakan penguasaan

Bahasa Melayu. Jadi, usaha daripada semua pihak amat diperlukan.

"Saya adalah alumni SJKC dari Kampung Baru tetapi atas usaha dan pendekatan yang betul, saya tidak menghadapi masalah dengan penggunaan Bahasa Melayu selama ini, termasuk dapat berbahasa dengan Bahasa Melayu di dalam Dewan Rakyat (bukan baca teks ucapan)," jelas Cha.



Cha berkata, beliau juga tidak mahu murid atau bekas murid SJKC dan SJKT dilabel sebagai gagal berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu.

"Dengan itu, semua pihak yang terbabit perlu melaksanakan peranan masing-masing dalam

mendukung Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan anak Malaysia.

"PPD Seremban bakal mengelolakan satu sesi pemukiman dengan sasaran 'Sifar Peralihan' pada tahun 2027.

"Saya bersetuju untuk menaja sepenuhnya sesi pemukiman yang bakal diadakan di Auditorium Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Sendayan," ujar Cha lagi.

Cha berkata demikian kepada Negeri Kita selepas menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Seremban, Encik Norazam.

Pelbagai perkara yang dibincangkan termasuk isu pendidikan dan sekolah di Daerah Seremban, khususnya di Parlimen Rasah.

## Projek tebatan akan atasi masalah banjir di Johol

**JOHOL:** Projek tebatan banjir yang telah dimulakan akan dapat mengatasi masalah banjir kilat di DUN Johol pada masa akan datang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johol, Saiful Yazan Sulaiman berkata, baru-baru ini telah berlaku kejadian banjir kilat di DUN Johol dan kali terakhir banjir seperti ini terjadi ialah pada dua tahun yang lepas.

"Insyallah, apabila projek tebatan banjir ini siap nanti, kejadian seperti ini tidak akan berulang.

"Terima kasih diucapkan di atas kerjasama dan tindakan pantas pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Kuala Pilah), Polis Diraja Malaysia Johol dan Dangi, JPKK Kuala Johol, JPKK Gating dan JPKK Kabong serta semua warga Johol yang telah membantu," jelas Saiful Yazan.



## JPKK terima watakah daripada Suhaimizan



**JAWATANKUASA** Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Gedok dan Kampung Tengah, Gemenchek menerima watakah lantikan pengerusi dan setiausaha daripada ADUN Gemenchek, Suhaimizan Bizar.

Pengerusi JPKK Kampung Baru Gedok, Wong

Yoon Keong; Setiausaha JPKK Kampung Baru Gedok, Nagarajah Sinasany Pillai serta Setiausaha Kampung Tengah, Hasnah Mohd Yatim menerima watakah tersebut.

Turut hadir, Penghulu Mukim Gemenchek, Muhamad Shafiq Sidek dan Penghulu Mukim Repah, Mohd Azzian Basin.

## PRIMA Rantau bakal siap suku ketiga tahun ini



**RANTAU:** Projek Residensi Rantau (PRIMA Rantau) bakal siap pada suku ketiga tahun ini.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, Arul Kumar berkata, projek tersebut telah siap 96 peratus.

"Buat masa ini pihak kontraktor dalam proses menyiapkan baki kerja bangunan, seni bina, landskap, infrastruktur dalaman dan luaran.

"Kerja-kerja 'tapping off' paip SAINS pula telah sele-

si pada 16 Mei lalu.

"Beberapa surat sokongan bagi permohonan CCC juga telah diterima dan akan diproses.

"Jangkaan tarikh siap adalah pada suku ketiga tahun ini dengan jangkaan CCC pada akhir Ogos ini.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri pula akan membantu untuk menyegerakan beberapa proses dalam mendapatkan CCC untuk projek tersebut dalam masa yang ditetapkan," kata Arul Kumar.



## JPKKOA dapat **RM315,000** daripada Kerajaan Negeri

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri memperuntukkan geran berjumlah RM315,000 kepada 43 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) di seluruh Negeri Sembilan.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pada tahun ini sebanyak 43 kampung Orang Asli telah terpilih untuk mendapat Geran JPKKOA dengan nilai geran sebanyak RM5,000 bagi setiap kampung.

"Selain itu terdapat juga peruntukan tambahan sebanyak RM100,000 lagi bagi pelaksanaan program Pemimpin Bersama Masyarakat Orang Asli dan pengurusan penyeragaman imej institusi Batin dan JP-KKOA di seluruh Negeri Sembilan.

"Ini menjadikan jumlah ke-



seluruhan peruntukan geran JPKKOA yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah sebanyak RM315,000," jelas beliau.

Sementara itu, bagi isu pewartaan kampung Orang Asli, daripada 69 buah kam-

pung, sebanyak 58 kampung telah diwartakan penempatan mereka.

Terdapat sembilan lagi kampung yang belum diwartakan dan sebuah kampung sudah diluluskan pada dasarnya dan kini melalui

proses terakhir untuk pewartaan.

"Isu perumahan merupakan antara isu utama bagi masyarakat Orang Asli terutama bagi generasi muda untuk memiliki rumah kerana tidak layak menerima

bantuan rumah dibawah Program Bantuan Rumah Orang Asli (PBROA).

"Seperti sedia maklum bagi rizab Kampung Orang Asli, Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan geran individu dan cuma diberikan rizab keseluruhan kampung dan pegawai pengawal diberikan kepada Ketua Pengarah JAKOA Malaysia.

"Sedangkan syarat yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk memohon untuk membina sendiri melalui pinjaman atau lain-lain mesti mempunyai geran tanah atau tanah milik pemohon.

"Buat masa ini, kerajaan akan melihat kaedah yang terbaik untuk membantu masyarakat Orang Asli untuk memiliki rumah sendiri dengan bantuan pelbagai agensi perumahan yang ada sama ada di peringkat pusat ataupun negeri," kata Jalaluddin.

## ERAT Negeri Sembilan sediakan peruntukan **RM460,000** untuk aktiviti perpaduan



**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan menyediakan peruntukan RM460,000 di bawah inisiatif ERAT Negeri Sembilan untuk aktiviti perpaduan di peringkat Rukun tetangga dan NGO.

Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berharap peruntukan dana ERAT dapat meningkatkan semangat dan memperkasakan komuniti setempat di Negeri Sembilan.

Tengku Zamrah berkata demikian di Majlis Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Sembilan 2024 yang berlangsung di D'Tempat Country Club, Sendayan.

Sementara itu, pelbagai pengi-



sian program telah disediakan dan saya percaya bahawa ianya merupakan antara platform yang amat penting untuk membina dan menyemarakkan semangat Malaysia Madani dalam kalangan mas-

yarakat tanpa mengira perbezaan agama, kaum, etnik dan budaya.

"Penglibatan JP-KK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, Jawatankuasa Surau, persatu-

an-persatuan yang mewakili rumah ibadat selain Islam yang turut hadir pada program ini telah memainkan peranan besar untuk melengkapkan peranan Kerajaan Negeri dalam memberi perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

"Peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin komuniti di setiap entiti organisasi di lapangan adalah sangat besar demi menjaga keharmonian dan keselamatan komuniti setempat.

"Semoga detik-detik perpaduan dan jalinan persaudaraan yang disemai, dapat menyemarakkan lagi patriotisme, cintakan negara dan kenegaraan sempena Sambutan Minggu Perpaduan pada kali ini," ujar Tengku Zamrah.

## Eksplorasi Perkhemahan Jejak Warisan dapat **tajaan** Shamshulkahar



**JEMPOL:** Ahli Parlimen Jempol, Dato Shamshulkahar Mohd Deli telah menaja program Eksplorasi Perkhemahan Jejak Warisan Generasi Baru Felda Parlimen Jempol dan Kem Smart AADK Jempol.

"Lebih 40 peserta terlibat dengan program ini

termasuk golongan pelajar sekolah, belia, guru, kakitangan kerajaan dan staf AADK.

Tujuan program ini diadakan adalah berkongsi pengalaman dan ilmu bagi menanam rasa penghargaan kepada pahlawan dan warisan Melayu," kata Shamshulkahar.

## Tiga jambatan baharu di Kampung Chalin dan Kampung Esok telah dibuka



**JELEBU:** Tiga buah jambatan baharu di Kampung Chalin dan Kampung Esok, kini telah dibuka untuk laluan penduduk kampung.

Ahli Parlimen Jelevu, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ketiga-tiga jambatan sebelum ini rosak teruk akibat kejadian banjir.

"Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Jelevu serta KKDW Negeri Sembilan dan Melaka bekerjasama dalam memastikan infrastruktur penghubung masyarakat ini



dapat diperbaiki semula.

"Alhamdulillah, hari ini tiga jambatan di dua kampung tersebut berjaya diserahkan, menandakan kemudahan ini telah boleh dimanfaatkan oleh masyarakat setempat.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mensejahterakan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar," kata Jalaluddin yang juga EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan dan ADUN Pertang.

## Tidak halang pembangunan, tapi jangan sampai bahayakan orang ramai



**NILAI:** ADUN Nilai, J.Arul Kumar berkata, beliau tidak menghalang projek pembangunan di DUN Nilai, tetapi janganlah kerja-kerja berkaitan dilakukan sampai membahayakan orang ramai.

Arul Kumar berkata, terdapat dua operator mengeluarkan tanah merah dari tiga kawasan pembangunan di Bandar Baru Nilai dan beberapa jalan telah rosak teruk dan sangat berbahaya kepada pengguna jalan.

"Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mengeluarkan 'Stop Work Order' untuk memberhentikan semua kerja-kerja mengeluarkan tanah sehingga semua jalan

yang rosak dibaiki.

"Saya bersama dengan pegawai MBS telah berjumpa dengan kedua-dua operator dan saya minta semua jalan dibaiki dan perlu patuh kepada semua spesifikasi yang ditetapkan oleh MBS.

"Selepas semua kerosakan dibaiki, MBS akan memberikan kebenaran untuk membawa keluar tanah dan jika berlaku lagi kerosakan, perlu dibaiki segera.

"Saya juga telah memaklumkan jika jalan rosak dan tidak dibaiki 'Stop Work Order' akan dikeluarkan lagi," jelas Arul Kumar.

## Tuanke Muhriz mencemar duli solat Jumaat di Masjid Batu Kikir



**JEMPOL:** DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanke Muhriz bersama Anakanda YTM Tunku Zain Al-'Abidin Tuanke Muhriz telah berkenan mencemar duli berangkat ke Masjid Jamek Batu Kikir bagi menunaikan solat Jumaat.

Keberangkatan DYMM Tuanke telah disambut

oleh Pegawai Daerah Jempol, Amino Agos Suyub; ADUN Serting, Ketua-Ketua Jabatan Daerah, Dato-Dato Adat serta penduduk Pekan Batu Kikir.

Usai solat Jumaat, Tuanke dan Anakanda menyampaikan kurnia kepada kanak-kanak yang hadir seterusnya bergambar bersama Ahli Jawatankua-

sa Masjid.

Menjunjung kasih ke bawah DYMM Tuanke serta Anakanda atas kesudian menunaikan solat Jumaat di Daerah Jempol.

Semoga Allah SWT memanjangkan usia DYMM Tuanke sekeluarga.

## Majlis Apresiasi dan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Belia Daerah Tampin



**PADA** tahun 2007 saya telah memenangi Anugerah Belia Perdana Peringkat Kebangsaan kategori keusahawanan.

Sehingga kini, adalah menjadi harapan saya belia di Tampin terus aktif dan memenangi anugerah di peringkat tertinggi.

Tahniah kepada Persatuan MBFM Jelai 3 yang telah memenangi Naib Johan Peringkat Kebangsaan Kategori Pertubuhan Belia.

Sebelum itu MBFM Jelai 3 adalah Johan Anugerah Belia

Perdana dan ABIM Tampin merangkul tempat ke-3 Kategori Persatuan Peringkat Negeri Sembilan.

Selamat kembali juga kepada Gerakan Belia 4B Tampin dan MAYC Tampin yang kembali bergabung dalam Majlis Belia Daerah Tampin.

Semoga dengan penggabungan ini akan membawa belia Tampin ke arah yang lebih gemilang.

**Dato' Mohd Isam Mohd Isa**  
Ahli Parlimen Tampin



# FELDA harus Kembali ke landasan asal

**MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN**  
**Presiden Benevolent**

**BEREDAR** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai penyertaan kewangan Agensi Persekutuan 2022 yang menunjukkan beberapa agensi mengalami kerugian.

Hal ini menarik perhatian massa, memberi gambaran ketidakcekan pentadbiran kerajaan dalam menguruskan amanah rakyat.

FELDA antara yang direkodkan dalam laporan berkenaan mengalami kerugian selepas cukai sebanyak RM1.005 bilion.

Dengan segera, pengurusan tertinggi FELDA dalam kenyataannya, menyebut akan terus meningkatkan kecekapan operasi dan tadbir urus yang telus serta mengoptimalkan kecekapan produktiviti, supaya agensi itu terus relevan pada masa hadapan.

FELDA menegaskan, kerugian itu tidak merujuk kepada salah guna, amalan rasuah dan kelemahan tatakelola pengurusan.

FELDA dalam kenyataan lanjutan memaklumkan bahawa kerugian itu disebabkan faktor kesan ke atas penyahiktirafan dan pengukuran semula pinjaman peneroka dengan nilai RM339.01 juta atas tujuan meringankan bebanan warga peneroka.

Alasan ini walaupun tepat, ia pasti sukar dihadap oleh sejumlah 112,638 peneroka FELDA di 317 tanah rancangan seluruh negara.

Apa yang mereka tahu dan diberitahu ialah FELDA rugi sebanyak RM1 bilion. Satu angka yang sangat tinggi.

Hatta Belanjawan Negeri Sembilan 2024 baru sahaja berjumlah RM555 juta telah memanfaatkan 1.2 juta penduduknya.

Kerajaan Madani komited membangunkan kerangka tatakelola terbaik, memerangi rasuah, menadbir secara cekap dan kompeten.

Kita renungi daripada kesilapan FELDA yang terpalit dengan beberapa pendakwaan rasuah berprofil tinggi sebelum ini dan harus membuka ruang agar ia dikritik untuk peringatan pemegang

amanahnya akan datang.

Pendakwaan terhadap mantan Pengerusi dan beberapa orang kanan beliau sebelum ini sedikit telah mencemarkan maruah FELDA sebagai institusi tonggak, paling berjaya dalam agendanya untuk membangunkan komuniti luar bandar, menciptakan prasarana ekonomi dan kehidupan dengan pendapatan bermaruah.

Kejayaan yang dikecapi FELDA hari ini bukan tiket untuk seorang yang dilantik melangsungkan amanahnya mengecapi kehidupan mewah dan bermudah-mudah membidak-bidak ghanimah.

Rekod nyata kerugian FELDA ditanggung akibat kecuai dan salah guna kuasa di era pentadbiran kerajaan terdahulu tidak dapat diselindungi.

Ia telah dibentangkan di Parlimen dalam Kertas Putih pada 15 Oktober 2018.

Kerugian berbilion-bilion yang ditanggung FELDA telah merosotkan saham agensi berkenaan dan membawa perniagaan dan asetnya dalam bahaya.

Krisis kewangan ini pernah diakui oleh Pengerusi Felda yang baru dilantik ketika itu, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor yang mendakwa kedudukan tunai Felda hampir kosong.

Kesilapan dengan membenarkan Pengerusi FELDA sebelum ini mempengerusikan tiga anak syarikat strategik FELDA iaitu FGV, FELDA Investment Corporation (FIC) dan FIC Properties perlu dihentikan.

Ia membenarkan pemusatan kuasa melulus dan memberikan restu tanpa mekanisme semak dan imbang yang berkesan.

Pada tahun 2003 FELDA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, sepertinya ia dinaiktarafkan namun sebenarnya lebih mendedahkan kemasukan tangan-tangan politik untuk menggeledah dan menggondolkan kekayaannya.

Walhasil, hutang peneroka bertambah dan hutang FELDA sendiri meningkat berganda-ganda disamping kerugian besar hanya

dalam beberapa tahun.

Sehingga pada tahun lepas, Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, sempena Hari Peneroka FELDA telah mengumumkan penghapusan hutang FELDA.

Kerosakan yang lepas-lepas boleh terjadi ditangan orang yang tidak amanah. Kita harus hentikan segera kecurangan yang berlaku melalui iltizam politik.

Antaranya menghadkan peranan Pengerusi FELDA memutuskan perjalanan eksekutif anak-anak syarikat FELDA.

Pengerusi FELDA tidak seharusnya menjadi pengerusi kepada puluhan anak-anak syarikat lain. Mematuhi piawaian tatakolala yang baik adalah separuh kejayaan memastikan kejayaan pentadbiran.

Jika disedut sejarahnya, tekad dan perjuangan ekonomi FELDA senada dengan cita-cita awal penubuhan FELDA sejak tahun 1956. Dasar yang digunakan oleh Tun Razak selaku pengasas FELDA ialah 'tanah untuk yang tidak bertanah'.

Tujuannya agar meratakan hak dan keadilan kepada kaum miskin terpinggir di luar-luar bandar untuk mendapat tanah berumah dan berkebun.

Tun Razak juga selain menyebutkan 'tanah untuk yang tidak bertanah' sering menggunakan istilah 'pekerjaan untuk yang menganggur'.

Bertepatan dengan rumusan Jawatankuasa Kerja tahun 1955 yang membawa kepada usul penubuhan FELDA di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (Akta No. 10, 1956).

Rancangan tanah pertama dibuka pada tahun 1958. Manakala, peneroka pertama mendaftar seramai 28 orang pada 02 Ogos 1959. Mereka bergotong royong meneroka kebun dan membina rumah sendiri.

Pada pembukaan tanah rancangan berikutnya FELDA mengelolakan sendiri. Menariknya, ada peneroka tanah rancangan yang berasal daripada Keramat, Kuala Lumpur.

Ini membenarkan isu kemiskinan

bandar (tanpa tanah, tanpa rumah) diselesaikan serampang dua mata oleh penubuhan FELDA.

FELDA mengorak langkah sebagai entiti cemerlang bukan sekadar di peringkat tempatan, serantau malahan global.

FELDA adalah model prototaip yang paling berjaya dalam usahanya mentransformasikan kemiskinan luar bandar serentak mendorong pembangunan segera dinikmati negara yang baru merdeka waktu itu.

Berlalu masa kita dikejutkan dengan beberapa ketirisan dan kerugian ditanggung FELDA dengan yang terkini melalui Laporan Ketua Audit Negara 2022 baru-baru ini.

Perdana Menteri telah mengarahkan serta merta dalam tempoh dua minggu agar FELDA menyiapkan laporan lengkap disamping pelan penstrukturannya bagi menangani kerugian ini.

Tugasan khas untuk memastikan kesiapsiagaan FELDA diletakkan di bawah portfolio Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Zahidi Hamid. Beberapa mesyuarat telah dijalankan untuk meningkatkan pemantauan terhadap urusan FELDA.

Agensi tanah persekutuan ini pernah menjadi peneraju pembangunan tanah luar bandar terbaik di dunia sehingga menjadi rujukan banyak negara-negara membangun untuk mengaplikasi model yang sama.

FELDA seharusnya berdiri sebagai model prototaip terulung bagaimana mentransformasi luar bandar dalam waktu yang singkat mendapat kehidupan yang keluar daripada pendapatan garis kemiskinan.

Hasrat murni untuk melihat FELDA kembali ke landasan asal nampaknya lebih optimis di bawah pentadbiran Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek sebagai Pengerusi yang baharu.

Wibawa dan pesona beliau selama menyertai kabinet sebelum ini diyakini akan kembali melonjakkan FELDA.

Jika mungkin dan harus mungkin menyenaraikan FELDA dalam senarai Fortune 500 seperti yang telah disasarkan oleh mantan Pengerusi terdahulu.

Selamat memikul amanah jutaan warga FELDA kepada seluruh pemegang amanah yang baru di bawah kerajaan Madani ini.



## Selamat menunaikan ibadah haji

Pusat Khidmat Rakyat DUN Klawang dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Jamek Kuala Klawang telah mengadakan majlis meraikan bakal haji dan hajjah yang bakal berangkat ke Tanah Suci Mekah.

Semoga mendapat haji yang mabroor kepada bakal haji dan hajjah DUN Klawang," kata **ADUN KLawang**, Dato' Ir. Bakri Sawir.



## Arul Kumar berjaya mendaki Bukit Melati

Sempena program NS Seven Wonders Challenge: Road to Hari Sukan Negara (HSN) 2024 yang diadakan di Bukit Melati, Nilai; **ADUN NILAI**, J. Arul Kumar turut mengambil bahagian dalam acara sukan tersebut.



## Bibi Sharliza hadir meriahkan Sukan SMA Ulu Jempol

**ADUN JUASSEH**, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid hadir ke Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Sekolah Menengah Agama (SMA) Ulu Jempol (Sekolah Kebangsaan Tapak).



## Mohd Razi bantu golongan pesakit

**ADUN SUNGAI LUI**, Mohd Razi Mohd Ali menghulurkan sumbangan kewangan bagi menampung kos perubatan dan sara hidup serta lampin pakai buang kepada golongan pesakit yang memerlukan. Semoga sumbangan ini dapat membantu para penerima.



## Suhaimizan santuni Tok Batin Zainal

**BUMBUNG** rumah Tok Batin Zainal di Kampung Orang Asli Taman Tasik rosak sebahagiannya akibat kejadian pokok tumbang.

Justeru itu, **ADUN GEMENCHEH**, Suhaimizan Bizar telah menziarahi Tok Batin Zainal.

Suhaimizan berkata, kerja-kerja pembaikan bumbung rumah Zainal akan dijalankan dengan segera.



## Ismail rasmi Bilik Seminar SMA Sains Kuala Pilah

**ADUN SENALING**, Dato' Ismail Lasim telah merasmikan Bilik Seminar Aula Azzahra sempena Majlis Graduasi dan Majlis Khatam Al-Quran di Sekolah Menengah Agama (SMA) Sains Kuala Pilah.

Beliau mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya.



## 36 pelajar terima bantuan sekolah daripada Mustapha

Exco Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mustapha Nagoor telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Anak Sekolah (BAS) Peringkat **DUN SERTING** di Dewan Terbuka Masjid Imam As-Shafie Felda Raja Alias.

DUN Serting merupakan DUN Angkat Mustapha.



## Gunasekaren gotong-royong bersama rakyat

**ADUN SEREMBAN JAYA**, P.Gunasekaren turut serta bersama rakyat dalam aktiviti gotong-royong di Taman Senangin.

Gunasekaren berkata, aktiviti yang dilakukan adalah bagi menebang pokok besar di belakang kawasan rumah.

"Ini adalah demi keselamatan dan keselesaan penduduk di sini," ujarnya.



## Runtuhan tebing sungai akan dibaiki segera

Runtuhan tebing sungai yang berlaku berhampiran Jambatan Linggi akan dibaiki segera.

**ADUN LINGGI**, Dato' Mohd Faizal berkata, peruntukan telah diperolehi dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah meninjau lokasi runtuhan itu. Kerja baik pulih akan dilakukan segera oleh pihak Selia Selenggara.



## Rajasekaren lawat Kampung Tradisi Cina

**ADUN SRI TANJUNG**, Dr.G.Rajasekaren turun padang bagi melawat keadaan di Kampung Hailam iaitu sebuah Kampung Tradisi Cina di sini.

"Ini bertujuan melihat sendiri rumah yang dibaik pulih di bawah Program Bantuan Baik Pulih Rumah Kampung Baru di bawah KPKT serta penurapan jalan dan pembinaan longkang baru," kata Rajasekaren.



## Tengku Zamrah hargai wanita DUN Ampangan

**ADUN AMPANGAN**, Tengku Zamrah telah turun padang bagi menyantuni wanita yang berada di dalam DUN Ampangan.

Ia adalah bagi mengeratkan silaturrahim di samping memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan seperti perubatan dan bakul makanan.



## Ziarah Kasih Zaidi di Ladang Senama

Tiga keluarga di Ladang Senama yang mempunyai ahli keluarga yang sakit dan keuzuran, menerima kunjungan **ADUN JERAM PADANG**, Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir.

Mohd Zaidy menyantuni mereka dan menghulurkan sumbangan kewangan serta barangan keperluan dapur.



## SK Wawasan Seremban terima dana RM93,700 daripada Cha

**AHLI PARLIMEN RASAH**, Cha Kee Chin telah menyumbang RM93,700 kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Wawasan Seremban bagi menampung kos penganjuran pelbagai program di sekolah, pembelian kerusi dan meja serta 16 set Smart TV bersaiz 65 inci.

"Adalah diharapkan dengan penambahan 27 set meja dan kerusi yang baharu ini, ia akan membolehkan anak-anak SK Wawasan dapat menikmati makanan dalam persekitaran yang lebih selesa, manakala pembelian Smart TV dapat memenuhi keperluan semasa dalam pendigitalan pendekatan pendidikan dalam kelas," ujar beliau.



## Chew laksana langkah tangani risiko pokok tumbang

Sebagai langkah tangani risiko pokok tumbang, **ADUN LOBAK**, Chew Seh Yong telah melaksanakan projek mencantas pokok dan dahan di kawasan Rumah Pangsa Templer 1.

"Tindakan ini perlu demi keselamatan penduduk di kawasan perumahan ini, apatah lagi sekarang ini musim hujan," kata Chew.



## MK Ibrahim rasmi Majlis Anugerah Ibnu Hayyan SK Seri Pagi

**PENYELARAS DUN PAROI**, Dato' MK Ibrahim Abd Rahman telah merasmikan Majlis Anugerah Ibnu Hayyan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Senawang.

Tahniah kepada semua pelajar cemerlang yang menerima anugerah kecemerlangan akademik ini," katanya.



## Mohd Isam hulur bantuan kepada mangsa tanah runtuh

**AHLI PARLIMEN TAMPIN**, Dato' Mohd Isam Mohd Isa telah melawat dan menyampaikan sumbangan kewangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan kejadian tanah runtuh, banjir dan ribut di beberapa kawasan di DUN Repah.

Kawasan yang terlibat ialah di Kampung Ulu Yuh, Kampung Seri Repah, Kampung Repah, Bandar Utama dan Kampung Dusun," kata Mohd Isam.



## Noorzunita kongsi inisiatif Kerajaan Negeri dengan penduduk setempat

**ADUN PILAH**, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah menziarahi 16 keluarga kurang berkemampuan di Taman Bukit Intan bagi menghulurkan bantuan kewangan dan barangan keperluan dapur.

Di kesempatan ini beliau turut memberi penerangan tentang beberapa inisiatif Kerajaan Negeri kepada ahli keluarga tersebut.



## Bibi Sharliza peka isu rakyat

Menerima aduan rakyat dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya adalah salah satu daripada tugas rutin **ADUN JUASSEH**, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid di Pusat Khidmat Rakyat DUN Juasseh.



## Langkah atasi banjir di Rahang

**ADUN RAHANG**, Desmond Siau Meow Kong bersama Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin dan Ahli Majlis, Guok Chi Sheng serta pegawai Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah melawat beberapa kawasan berisiko banjir dan tapak tanah runtuh di sekitar Jalan Rasah.

"MBS akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pembaikan longkang dengan segera bagi mengatasi kejadian banjir," kata Desmond Siau.



## Sufian santuni keluarga kurang kemampuan

**ADUN SERI MENANTI**, Muhammad Sufian Maradzi menyantuni enam keluarga kurang berkemampuan di Kampung Mampas Besar dan Kampung Mampas Kecil.

Enam keluarga tersebut menerima barangan keperluan dapur daripada Muhammad Sufian.



## Nicole terima kunjungan Ketua Polis Daerah Seremban

**ADUN BUKIT KEPAYANG**, Nicole Tan Lee Koon menerima kunjungan daripada Ketua Polis Daerah Seremban, ACP Mohamad Hatta Che Din.

"Kami berpeluang berbincang tentang penambahbaikan dan menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit di Daerah Seremban terutamanya di DUN Bukit Kepayang," kata Nicole Tan.

Turut hadir, Ketua Cawangan Khas Daerah Seremban, DSP Mohamad Izmel Suhaimy; Ketua MPV BPJKK Daerah Seremban, ASP Mohd Azarul Alias dan Pegawai Cawangan Khas, ASP Harwant Kaur Amar Singh.



## Veerapan sumbang dana bantu KEMAS anjur Kursus Dandan Diri

KEMAS Daerah Tampin menerima sumbangan kewangan RM3,000 daripada **ADUN REPAH**, Veerapan Supermaniam bagi membantu mengadakan Program Kursus Bidang Dandan Diri (Kursus Ratu Sehari).

Veerapan juga menyerahkan sijil penyertaan kepada semua peserta kursus.



## Pemeriksaan kesihatan percuma untuk warga Orang Asli

**ADUN KOTA**, Suhaimi Aini telah merasmikan Program Pemeriksaan Kesihatan dan Gigi Secara Percuma di Balai Raya Kampung Miku Paabai.

"Terima kasih kepada Pejabat Kesihatan Rembau dan program ini telah memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Miku Paabai, Kampung Air Siput dan Kampung Mampas," ujar Suhaimi.



## Pesakit lumpuh 10 tahun terima kerusi roda daripada Faez

**PENYELARAS DUN LABU**, Ahmad Faez Abdul Razak telah menyumbang sebuah kerusi roda kepada seorang pesakit lumpuh, Aslina Abd Malek.

Aslina dari Kampung Bukit Buak, lumpuh sejak 10 tahun lalu dan turut menerima sumbangan kewangan dan barang keperluan dapur daripada Ahmad Faez.

# FAKTA-FAKTA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG



## JUMLAH AKAUN PELANGGAN

SEREMBAN	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	242,264
Komersil	38,552
Lain-lain	1,926

PORT DICKSON	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	50,081
Komersil	7,112
Lain-lain	629

JELEBU	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	14,734
Komersil	2,153
Lain-lain	536

JEMPOL	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	35,535
Komersil	5,895
Lain-lain	736

KUALA PILAH	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	27,549
Komersil	3,113
Lain-lain	1,027

REMBAU	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	17,971
Komersil	1,735
Lain-lain	642

TAMPIN	
Jenis Akaun	Jumlah Akaun
Domestik	27,432
Komersil	4,611
Lain-lain	611



## PEMBINAAN EMPANGAN

Sumber alternatif air mentah  
Loji Rawatan Air

Tahun 1987  
Empangan Sg. Terip



Tahun 1992  
Empangan Talang



Tahun 1990  
Empangan Sg. Beringin



Tahun 1998  
Empangan Kelinehi



Tahun 1999  
Empangan Gemenchek



Tahun 2010  
Empangan Ulu Sepri



Tahun 2014  
Empangan Triang



## NAIK TARAF SISTEM AGIHAN

LIPUTAN BEKALAN AIR



100% Bandar



99.9% Luar Bandar

- 2010:** Pembinaan Kolam Imbangan Bukit Kuar
- 2017:** Pembinaan Rumah Pam, Kolam Imbangan Gadong & jajaran paip ke Sendayan dan Enstek
- 2020:** Pam penggalak Kolam Imbangan Londah untuk menampung bekalan di musim perayaan
- 2022:** Penggantian paip UPVC bersaiz 100mm sepanjang 7km di Kg. Tiang
- 2023:** Penggantian 6 buah tangki simpanan di Lukut
- 2023:** Penggantian paip UPVC bersaiz 200mm sepanjang 7km di Jalan Karak-Kuala Pilah
- 2014:** Naiktaraf sistem agihan bekalan air ke Kolam Imbangan Seriting dan Kolam Imbangan Taisho.
- 2015:** Pembinaan Kolam Imbangan Taisho & Rumah Pam

**SAINS**  
Layani  
Perkhidmatan SAINS  
Tanpa Perlu Keluar Rumah

#SemuaDiHujungJari

1-300-88-6982  
www.sainswater.com  
aduan@sainswater.com  
Pusat Khidmat Pelanggan - SAINS



# PROJEK-PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN SAINS BAGI PENAMBAHBAIKAN MUTU PERKHIDMATAN AIR DI NEGERI SEMBILAN

## SEREMBAN

**N046 P1**  
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH LOJI RAWATAN AIR BERKAPASITI 150JLH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN NGOI-NGOI, SEREMBAN

TARIKH MULA: 18 APRIL 2022  
SARUNG TAP: 16 OKTOBER 2024  
STATUS PROJEK: 67.95%  
KOS PROJEK: RM 229,971,727.80

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**  
LOJI RAWATAN AIR (LRA) NGOI-NGOI FASA 2 INI AKAN MEMBEKALKAN AIR TERAWAT SEHINGGA KE KAWASAN SEREMBAN BARAT. LOJI INI AKAN BERTINDAK SEBAGAI BEKALAN AIR SOKONGAN KE KAWASAN SPRINGHILL, PORT DICKSON. SEKIRANYA DIPERLUKAN DENGAN PENYAPAN LRA NGOI-NGOI FASA 2 INI DIANGKAPKAN AKAN MEMBANTU MENSTABILKAN PERMINTAAN BEKALAN AIR KE KAWASAN PANTIN, LINGGAI SERTA NILA YANG KETIKA INI MENDAPAT SUMBER BEKALAN DARIPADA LRA NGOI-NGOI FASA 1.

## SEREMBAN

**N050 P1**  
MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA TANGKI AIR IMBANGAN BATU 5 (FASA III) SG. TERIP DAN KERJA-KERJA MENAMBAHBAIK MAKMAL KUALITI AIR LRA SG. LINGGI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TARIKH MULA: 30 MAC 2022  
SARUNG TAP: 13 JULAI 2024  
STATUS PROJEK: 90.65%  
KOS PROJEK: RM 22,296,350.71

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**  
TANGKI IMBANGAN BATU 5 YANG DI NAIK TARAF DARI 4 JUTA GELIN KEPADA 6 JUTA GELIN. INI APABILA SIAP NANTI AKAN MENSTABILKAN SISTEM BEKALAN AIR DI TANGKI IMBANGAN DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN TEMPOH KEANGGUNAN BEKALAN AIR DALAM DAERAH SEREMBAN (151,000 AKALIN) TERUTAMANYA DI SEREMBAN 2, PAROI DAN SENAWANG.

KERJA-KERJA NAIK TARAF MAKMAL KUALITI AIR AKAN MENINGKATKAN KETEPATAN UJIAN KUALITI AIR TERAWAT MENGIKUTI PERMAJUAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

## GEMAS

**N050 P2**  
MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH LRA GEMAS BARU, PEMASANGAN PAIP AIR KELUJ LEMBUT BERGARIS RUSAT 500MM DARI LRA GEMAS KE KOLAM AIR LONDAH SERTA KERJA BERKAITAN

TARIKH MULA: 24 MAC 2022  
TARIKH SIAP: 29 DISEMBER 2023  
STATUS PROJEK: 100%  
KOS PROJEK: RM 19,888,600.00

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**  
KERJA-KERJA NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR (LRA) GEMAS YANG TELAH SIAP INI MEMBOLEHKAN LOJI UNTUK MEMPROSES SEKAMPAK 40 JUTA LITER AIR. SEKARANG BERSAMAAN 10% TAMBAHAN KAPASITI DARI REKABENTUK ASAL.

PEMASANGAN PAIP TAMBAHAN DARI LRA GEMAS KE KOLAM IMBANGAN LONDAH AKAN MENINGKATKAN KEANGGUNAN BEKALAN AIR DI KAWASAN GEMAS SEHINGGA KE AIR KUNING DAN JAJARAN FELDA PALONG 2 HINGGA 16 DI JEMPOL. IA AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA LEBIH 14,000 AKALIN (DI RUMAH) DI KAWASAN BERKENAAN.

## SELURUH NEGERI

**N054**  
PROGRAM PENGURANGAN KADAR AIR TIDAK TERHASIL (NRW) KEBANGSAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK-12) MELALUI PENDEKATAN 2

TARIKH MULA: APRIL 2023  
TARIKH SIAP: DISEMBER 2024  
KOS PROJEK: RM 24,350,000.00

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**

- PENGALIHAN 105 RIBU BILANGAN METER BERUSA DAN ROSAK UNTUK MEREKOD JUMLAH PENGGUNAAN AIR SEBENAR OLEH PENGGUNA.
- MEMBAIK KECORORAN DAN KELENGKAPAN TAPPING POINT SEHINGGA TETANG HETER BAGI MEMAKSIMUMKAN PENYALURAN AIR KE PEMIS PENGGUNA.
- PEMBELIAN ALAT PENGESAHAN KECORORAN DAN PENGURUSAN TEKANAN DAN:
- PENBANGUNAN SISTEM PEMANTAUAN DAN PENYELENGKARAAN (SCADA 4 TELEMETRY) BAGI PEMANTAUAN KECORORAN LEBIH BERSIKAP DAN MEMASTIKAN KAPASITI SIMPANAN MENCIKUPI KEPADA PENGGUNA.

AFD: [www.majlis.gov.my](https://www.majlis.gov.my) (2022). Seleksi projek yang sah. [www.majlis.gov.my](https://www.majlis.gov.my)

**KEPERLUAN ANDA KEUTAMAAN KAMI**

## JEMPOL

**N048 P5**  
CADANGAN PEMBINAAN SATU TANGKI KONKRIT TETULANG BERKAPASITI 990,000 GALON / 4,521,400 LITER DAN KERJA YANG BERKAITAN DI ATAS LOT 2362 & 2363 DI PEKAN BATU KIKIR, MUKIM KUALA JEMPOL

TARIKH MULA: 09 NOVEMBER 2023  
TARIKH SIAP: 05 MEI 2025  
STATUS PROJEK: 26.82%  
KOS PROJEK: RM 17,600,000.00

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**  
TANGKI INI APABILA SIAP NANTI AKAN MENSTABILKAN TEKANAN AIR DAN JUGA BERPUNGI SEBAGAI TANGKI SIMPANAN BEKALAN AIR KEPADA LEBIH KURANG 800 AKALIN PELANGGAN SEKITAR PEKAN BATU KIKIR SEKIRANYA BERLAKU GANGGUAN DI LOJI RAWATAN AIR.

## PORT DICKSON

CADANGAN MEREKABENTUK DAN MEMBINA SATU (4) UNIT RUMAH PAM BESERTA SISTEM PENGEPAMAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOLAM TELUK KEMANG, DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN


TARIKH MULA: 01 NOVEMBER 2023  
SARUNG TAP: 31 JULAI 2024  
STATUS PROJEK: 51%  
KOS PROJEK: RM 11,470,000.00

**MANFAAT KEPADA PENGGUNA**  
RUMAH PAM INI ADALAH DIGUNAKAN UNTUK MENAMBAH KAPASITI SIMPANAN AIR DI KOLAM SI RUSA NO.3 DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM PENGEPAMAN BAHAN BAKU KOLAM TELUK KEMANG MELALUI SALURAN PAIP SEDADA SEPANJANG 13KM.

APABILA MULA BEROPERASI, KETERGANTUNGAN KOLAM SI RUSA NO.3 KEPADA LRA SG LINGGI YANG SERING TERGANGGU KEPADA PENCEMARAN SUMBER AIR DAPAT DIURANGKAN DENGAN TAMBAHAN KAPASITI 18 JUTA LITER SEHARI DARI KOLAM TELUK KEMANG YANG HENDAK BEKALAN SUMBER AIR DARI LRA SAWAH BALU DI BESEAU UNTUK AGIHAN KE KAWASAN LUKUT DAN BANDAR PORT DICKSON.



Muat turun aplikasi **iSAINS** untuk memudahkan pengguna menyemak akaun bil air, sejarah pembayaran, trend penggunaan, membuat maklum balas atau aduan serta membuat pembayaran secara atas talian



# ProsPIM bantu murid prasekolah capai tahap perkembangan

**SEREMBAN:** Program Pengesanan Perkembangan dan Intervensi Murid Prasekolah (ProsPIM) adalah suatu langkah proaktif ke arah membantu murid prasekolah mencapai tahap perkembangan yang sepatutnya sesuai dengan usia mereka.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, tahap pertumbuhan dan pembelajaran anak-anak di prasekolah amat penting untuk dikenalpasti.

"Ia akan membantu kita merancang keperluan intervensi dan perkhid-



matan sokongan.

"Agenda pengukuhan dan perluasan prasekolah sememangnya menjadi salah satu fokus penting Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha mereformasi pendid-

dikan dalam negara," kata Fadhlina di majlis perasmian ProsPIM di Klana Resort.

Sementara itu, Exco Pendidikan dan Modal Insan, Dato' Ismail Lasim berkata, ProsPIM adalah

bertujuan sebagai satu lapangan pemakluman kepada semua guru-guru tadika atau prasekolah bagaimana untuk membuat pengesanan awal di samping melakukan intervensi yang bersesuaian seawal mungkin bagi meminimumkan impak ketidakupayaan kanak-kanak prasekolah ini.

"Pngesanan awal ini merujuk kepada proses mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran dan mempunyai ciri berkeperluan khas dengan menggunakan

instrument yang bersesuaian," ujarnya.

Program PROSPIM dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama daripada Sektor Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) serta Unit Prasekolah dan Rendah, JPNS.

# KPM tingkat tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengusahakan pengukuhan gerak kerja peningkatan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran di semua peringkat.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, ini termasuklah intervensi kurikulum yang akan diperluas, proses bimbingan dan pemulihan khas kepada murid-murid yang memerlukan, dan mekanisme mengelakkan keciciran murid.

"Pastinya kita tidak mudah



berpuas hati dengan pencapaian SPM tahun 2023.

"Walaupun terdapat peningkatan pencapaian, namun itu masih belum cukup dan tidak memadai.

"Sememangnya dalam



pemaparan data, secara statistik perbandingan dibuat antara data terkini dengan data tahun sebelumnya.

"Secara keseluruhannya, berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP),



sebanyak 66 daripada 95 mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan prestasi, 25 mata pelajaran menunjukkan penurunan prestasi, manakala empat (4) mata pelajaran mengekalkan prestasinya berbanding peperiksaan



SPM Tahun 2022.

"Angka-angka ini tidak bermakna jika hanya sekadar data dan statistik, namun hampa tindakan," jelas Fadhlina mengulas keputusan SPM tahun 2023.

# Jangan lupakan jasa ibu bapa bila dah berjaya

**SEREMBAN:** Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun mengingatkan para siswazah supaya tidak melupakan ibu bapa mereka apabila sudah berjaya.

"Ibu bapa merupakan pendorong kuat di belakang anda.

"Syabas dan tahniah kepada para ibu bapa kerana anak anda telah



mencapai satu kejayaan yang amat membanggakan bukan sahaja keluarga malah kepada negeri.

"Hal ini kerana segenggam pengorbanan dan kasih sayang mereka anda berjaya, bak kata pepatah, kasih ibu bapa sepanjang jalan, kasih anak sepanjang penggalan.

"Oleh itu janganah dilupakan jasa mereka kerana membantu anda.

"Jangan juga menjadi kancang yang lupakan kulit," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Penyampaian Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan di Klana Resort, Seremban.

# Dua pelajar SMKA SHAMS lakar nama pelajar terbaik Negeri Sembilan

**SEREMBAN:** Dua orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato' Sheikh Haji Mohd Said (SHAMS) melakar nama apabila menjadi pelajar terbaik bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 Negeri Sembilan.

Pelajar tersebut adalah Naqeeb Yusuf Yasni dan Aisyah Ahmad Hawari. Kedua-dua orang pelajar tersebut mencatatkan keputusan 11A+ dalam peperiksaan SPM.

Naqeeb Yusuf berkata, sebelum menghadapi peperiksaan, dia bersama rakannya kerap

mengadakan solat hajat setiap minggu selepas Solat Jumaat.

"Dalam masa sama, kami juga



turut mengadakan majlis bacaan Yaasin, mengamalkan makan kurma, dan sentiasa mempunyai hubungan baik dengan para guru.

"Walaupun kita belajar dan menuntut ilmu, aspek kerohanian itu juga sangat penting dan kita juga perlu ikhlas," katanya yang juga merupakan anak sulung daripada dua beradik.

Dalam pada itu, Aisyah pula berkata bahawa amalan kerohanian perlu sentiasa ditekankan dalam kehidupan seharian bagi mendapatkan kursus berkenaan di sebuah universiti swasta di Nilai.

"Saya berjaya mendapat keputusan 11A+ setelah berusaha bersungguh-sungguh kerana pada peperiksaan percubaan saya hanya memperoleh 10A+ dan 1B," kata Aisyah.

## Kementerian Pendidikan perkasakan Pendidikan Tingkatan Enam

**PUTRAJAYA:** Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek menekankan betapa pentingnya program Tingkatan Enam sebagai pendidikan lepas menengah dalam sistem pendidikan negara.

"Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan



lepasan menengah yang lain selepas SPM kerana ianya dilihat sebagai salah satu laluan utama murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

"Selain itu, fokus kita juga adalah untuk membangun dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi sesuai dengan kebitaraan yang ingin diterapkan kepada pelajar Tingkatan Enam.

## Cha sokong kelas 'Sifar Peralihan', wajib kuasai Bahasa Melayu

**RASAH:** Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin menyokong usaha Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban bagi mencapai sasaran kelas 'Sifar Peralihan' menjelang tahun 2027.

Namun kata Cha, kebersamaan dan kerjasama semua pihak termasuk pihak pentadbiran sekolah, guru-guru dan ibu bapa amat diperlukan untuk mencapai sasaran ini.

da semua pihak amat diperlukan.

"Saya adalah alumni SJKC dari Kampung Baru tetapi atas usaha dan pendekatan yang betul, saya tidak menghadapi masalah dengan penggunaan Bahasa Melayu selama ini, termasuk dapat ber-bahas dengan Bahasa Melayu di dalam Dewan Rakyat (bukan baca teks ucapan)," jelas Cha.

Cha berkata, beliau juga tidak mahu murid atau bekas murid SJKC dan SJKT dilabel sebagai gagal berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu.

"Dengan itu, semua pihak yang terbabit perlu melaksanakan peranan masing-masing dalam mendukung Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan anak Malaysia.

"PPD Seremban bakal mengelolakan satu sesi pemukiman dengan sasaran 'Sifar Peralihan' pada tahun 2027.

"Saya bersetuju untuk menaja sepenuhnya sesi pemukiman yang bakal diadakan di Auditorium Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Sendayan," ujar Cha lagi.

Cha berkata demikian kepada Negeri Kita selepas menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Seremban, Encik Norazam.

Pelbagai perkara yang dibincangkan termasuk isu pendidikan dan sekolah di Daerah Seremban, khususnya di Parlimen Rasah.



# Dzulkefly alu pelaburan syarikat farmaseutikal Switzerland di Malaysia

**BASEL:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan kedatangan syarikat-syarikat dari Switzerland ke Malaysia, khususnya dalam bidang penyelidikan klinikal melalui Clinical Research Malaysia atau lain-lain bidang yang melibatkan teknologi canggih.

Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, Negeri Basel adalah pangkalan kepada beberapa gergasi farmaseutikal antarabangsa seperti Roche dan Novartis yang turut mempunyai operasi di Malaysia.

"Pelaburan baharu atau pengembangan pelaburan sedia ada, terutamanya dalam teknologi bangkit, adalah penting untuk meningkatkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, menjana inovasi serta memperkaya bidang kesihatan.

"Syarikat seperti Roche, Novartis, BeiGene, Lonza, Bayer, BASF, Syngenta, Straumann, Novo Nordisk dan Moderna bukan sekadar menghasilkan ubat generasi baharu yang

penting untuk penyakit kritikal seperti kanser, diabetes dan penyakit genetik.

"Aplikasi teknologi mereka terutamanya dalam sains data juga penting dalam usaha transformasi kesihatan, contohnya perubatan jitu dan transisi daripada pengurusan kesihatan individu kepada pengurusan kesihatan populasi.

"Malaysia kekal terbuka kepada komuniti pelabur, perniagaan, penyelidik dan akademik yang ingin meneroka peluang yang memberi manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat," kata Dzulkefly.

Dzulkefly berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Kerajaan Negeri Basel, TYT Dr. Conradin Cramer.

Menurut Dzulkefly, sebagai sebuah konfederasi, Basel dan negeri-negeri lain mempunyai autonomi termasuk dalam bidang kesihatan.

"Dari segi ini, saya berhasrat untuk meneruskan perkongsian, terutamanya dari segi model pembiayaan kesihatan yang dipraktikkan di Switzerland," ujar beliau.



# Google setuju melabur RM9.4 bilion di Malaysia

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menyambut baik satu lagi pengumuman pelaburan langsung asing ke Malaysia.

Anwar berkata, Google iaitu sebuah syarikat teknologi utama dunia mengesahkan komitmen pelaburan sebanyak USD2 bilion bagi menyokong agenda Kerajaan dalam mempercepat dan melicinkan transformasi digital negara.

Pelaburan ini dijangka akan membawa kesan berganda kepada ekonomi Malaysia sekitar USD3.2 bilion dan mewujudkan sebanyak 26,500 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030.

"Pelaburan terkait pusat data yang pertama bagi Google di Malaysia dan pembangunan rantau Google Cloud ini adalah bukti bahawa perencanaan Kerajaan yang jelas selain kekuatan ekonomi dan sumber negara menjadi tarikan kepada pelabur-pelabur sedia ada dan baharu.

"Nescaya, ini meletakkan Malaysia sebagai antara negara utama dalam penggunaan dan perkhidmatan sokongan bagi perkhidmatan berteraskan teknologi digital.



"Dalam pertemuan secara maya bersama pengurusan kanan Google pada 6 Mei yang lalu, saya telah tekankan bahawa selain dukungan kepada penggunaan kecerdasan buatan (AI) secara umum, kerjasama strategik perlu ditumpukan dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pertanian.

"Ini penting bagi memastikan Malaysia dapat memanfaatkan kemahiran dan pendekatan berteraskan teknologi terkini.

# IKR tumpu projek kecil berimpak tinggi

**YB RAFIZI RAMLI**  
Menteri Ekonomi

Usaha Abdul Kahar membaik pulih gelanggang futsal untuk anak muda di kawasan perumahannya berjaya dicapai menerusi Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR).

Gelanggang futsal yang telah usang di Taman Desa Permai, Repah, Tampin, Negeri Sembilan itu merupakan tempat riadah anak-anak muda sekitar yang perlu sentiasa dijaga dan diselenggara dengan baik.

IKR adalah program khas Kementerian Ekonomi

bermula tahun 2023 yang memberi tumpuan kepada projek kecil berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada rakyat.

Sebelum ini, rakyat perlu memohon melalui wakil rakyat, majlis perbandaran

atau majlis daerah untuk membaiki infrastruktur awam kecil di kawasan mereka.

Wakil rakyat atau pihak berkuasa tempatan pula perlu membuat permohonan kepada kementerian-kementerian terbabit.

Kementerian-kementerian terbabit pula perlu memasukkan permohonan itu ke dalam senarai yang akhirnya diangkat ke Kementerian Ekonomi (bagi projek-projek pembangunan).

IKR membolehkan permohonan dibuat terus ke Kementerian Ekonomi oleh sesiapa sahaja, pihak komuniti atau pun orang perseorangan.

Semoga usaha kecil ini dapat mendemokratiskan wang rakyat dengan memberi manfaat terus kepada masyarakat dengan pantas dan berkesan.



# Malaysia bantu pembangunan ekonomi dan pendidikan Kyrgyzstan

**PUTRAJAYA:** Susulan lawatan rasmi Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Kyrgyzstan baru-baru ini, beliau telah menerima Kunjungan Hormat dari Ketua Jabatan Dasar Luar Negeri kepada Presiden Kyrgyzstan, Muratbek Azymbakiev.

Anwar berkata, pertemuan ini antara lain membincangkan hala tuju kerjasama dalam pendidikan, di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk mengukuhkan lagi usahasama ini, termasuk melalui latihan dalam TVET dan STEM untuk pelajar dan guru Kyrgyzstan.

"Berhubung Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Malaysia bersetuju untuk melatih lebih ramai peserta dari Republik Kyrgyz dalam pelbagai bidang.



"Kesempatan yang ada juga digunakan untuk berbincang mengenai pelantikan Penasihat Khas dari Malaysia ke Republik Kyrgyzstan untuk membantu dalam pembangunan ekonomi Kyrgyzstan.

"Dalam hal ini, saya maklumkan beberapa calon berpotensi telah dikenal pasti dan sedang dalam proses disenarai pendek oleh Malaysia.

"Sebelum pulang, Muratbek sempat menyampaikan surat dan cenderahati daripada Presiden Kyrgyzstan dan Ketua Kabinet, selain saya titipkan harapan agar hubungan kedua-dua negara terus terjalin lebih erat pada masa akan datang," kata Anwar.

## Keluhan anak muda tentang gaji rendah sedang ditangani kerajaan

**YB RAFIZI RAMLI**

Menteri Ekonomi

Kertas putih Dasar Gaji Progresif (DGP) yang dibentangkan di Parlimen tahun lalu adalah salah satu reformasi reformasi pasaran buruh yang meningkatkan gaji rakyat secara sistematik.

Realitinya, rakyat Malaysia, terutamanya graduan yang baru, ingin mula bekerja menghadapi isu penetapan gaji permulaan yang rendah dan hampir dengan kadar gaji minimum.

Dasar gaji minimum telah menaikkan gaji pekerja berkemahiran rendah tetapi menyebabkan herotan gaji (wage compression).

Akibatnya, jurang gaji antara pekerja berkemahiran rendah dan graduan peringkat permulaan semakin mengecil.



Gaji pekerja tidak berkemahiran telah naik, manakala gaji pekerja berkemahiran atau para-kemahiran tidak meningkat atau menjadi lebih rendah.

Itulah mengapa kita sering dengar keluhan anak muda tentang gaji mereka yang rendah.

DGP yang kita ingin laksanakan bukan sekadar menambah pendapatan rakyat semata-mata tetapi meningkatkan pergerakan kemahiran dalam pasaran kerja supaya mereka yang dibayar rendah atau tidak bekerja boleh meneroka peluang kemahiran baru dan naik ke atas.

DGP adalah secara sukarela, memberikan majikan ruang untuk bersedia dan menyesuaikan diri dengan peningkatan kos buruh.

Syarikat yang berdaftar dan layak akan menerima insentif kerajaan untuk membantu menyesuaikan diri dengan kos tambahan.

Sebelumnya, inisiatif menaikkan gaji tidak disokong dengan insentif dan ditinggalkan kepada majikan.

DGP akan memastikan keseimbangan antara kenaikan gaji pekerja dan produktiviti untuk kesaksamaan.

DGP akan mendorong majikan menyediakan latihan dan melabur dalam teknologi untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti pekerja.

Negara memerlukan anjakan besar untuk meningkatkan gaji pekerja selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI.

Ini bertujuan mengangkat martabat negara dan memastikan pendapatan dinikmati rakyat.

Dasar Gaji Progresif, satu inisiatif serampang pelbagai mata, akan melengkapi dasar-dasar sedia ada seperti Dasar Gaji Minimum.

Kepada majikan dan syarikat yang berminat untuk sertai, maklumat lanjut mengenai Dasar Gaji Progresif boleh dilayari di laman web <https://gajiprogresif.gov.my/>

## FedEx luaskan perniagaan di Malaysia

**PUTRAJAYA:** FedEx Corporation (FedEx) telah mengemukakan cadangan bagi memperluaskan perniagaan di Malaysia.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan dan Antarabangsa FedEx, Richard Smith dan rombongan.

Anwar berkata, FedEx adalah syarikat multinasional dalam bidang pengangkutan, e-dagang dan perkhidmatan perniagaan yang telah bertapak di Malaysia sejak tahun 1993.

"Kemudahan yang dimiliki FedEx di Malaysia kini melaksanakan lebih 30 penerbangan dalam seminggu dengan menghubungkan industri tempatan kepada rangkaian global mereka di 220 buah negara dan wilayah.

"Dalam pertemuan ini, FedEx memaklumkan cadangan pengembangan perniagaan mereka terutamanya yang melibatkan kemudahan sedia ada di beberapa lapangan terbang di Malaysia.

"Saya juga mendapat maklumbalas positif terkait dengan pendekatan

Kerajaan dalam menterjemah agenda Ekonomi MADANI yang digagaskan.

"Antara lain, FedEx melihat cadangan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) sebagai satu lonjakan kerjasama pertumbuhan



ekonomi masa hadapan yang perlu dimanfaatkan," kata Anwar.



# Negeri Sembilan juara tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan

**KUANTAN:** Negeri Sembilan berjaya menjadi johan bagi Majlis Tilawah dan hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kuantan, Pahang.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kejuaraan diperoleh selepas peserta Negeri Sembilan berjaya menjadi johan bagi kategori tilawah dan hafazan.

"Tahniah kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam

kejohanan yang diadakan di Pahang pada tahun ini.

"Tak lupa juga kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) di bawah kendalian Ustaz Mohd Asri Abdullah.

"Semoga kejayaan ini akan mengembangkan lagi usaha pembudayaan Al-Quran di negeri ini," kata Aminuddin.



## JHEAINS anjur program kemahiran diri



**KLAWANG:** Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah menganjurkan program kemahiran diri di Masjid Gagu, Klawang.

Program yang dianjurkan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan kemahiran asas kepada ahli kariah bagi mencapai peluang kerjaya dan menjana pendapatan ekonomi.

Selain itu, peserta program juga diberikan

pengenalan serta penerangan tentang teknik pembuatan beg menggunakan rivet (paku) dan latihan kemahiran pembuatan beg tersebut.

Disamping itu, program yang diadakan ini merupakan salah satu usaha ke arah peningkatan jemaah datang ke masjid melalui pelaksanaan program kemahiran bagi semua lapisan peringkat umur.

## Kolaborasi strategik JHEAINS komited terhadap program komuniti

**NILAI:** Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah mengadakan Program Gotong-Royong dan Jalinan Pintar Korporat MADANI 2024 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Mohd Said, Nilai yang melibatkan 600 orang peserta di kalangan pelbagai agensi dan pelajar sekolah.

Selain aktiviti gotong-royong, program tersebut turut diisi dengan bual bicara bertajuk kehidupan 'flora dan fauna dibumi tuhan' disampaikan oleh Jasni Ajom daripada JHEAINS bersama Global Institute Of Studies (GIS).

JHEAINS memberikan komitmen yang tinggi membina jalinan dengan komuniti tidak kira bangsa dan agama.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Thanabalan Ramiah yang mewakili Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, Arulkumar Jambunathan.

Rakan strategik yang terlibat dalam program ini adalah Pusat Khidmat Rakyat DUN Nilai, Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Institut

Aminudin Baki Nilai, SMK Dato' Mohd Said Nilai, Global Institute Of Studies (GIS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Nilai, Majlis Bandaraya Seremban, Pertubuhan Jaringan Komuniti Negeri Sembilan, Pertubuhan Squad Pantai Nilai, Pertubuhan Kebajikan Muafakat Nilai, Masjid Pekan Nilai, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Nilai, Pertubuhan Pengasih India Negeri Sembilan, PIBG SMK Dato' Mohd Said Nilai, RBA Trading, STAR GUARD Sdn Bhd dan Jeenceet Sales and Services Sdn Bhd.



Khutbah Jumaat

# BERMUAFAKAT UNTUK PERPADUAN

Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, kita amat mengimpikan kehidupan yang aman dan sentosa.

Perkara ini amat penting kerana dengan ketenteraman, kita dapat bekerja, meneruskan kehidupan, mencari rezeki dan menunaikan ibadah dengan baik dan sejahtera.

Cubalah bayangkan jika kita semua hidup dalam ketidakpastian, sudah pasti kita sentiasa berasa takut, khawatir dan resah, seolah-olah kita dihantui oleh perasaan yang negatif sepanjang masa.

Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya berusaha mencari kehidupan yang harmoni.

Hal ini demikian kerana istilah Islam itu sendiri berasal daripada selamat.

Maka, sesiapa yang memeluk agama Islam, seharusnya dia berasa selamat dan dia juga perlu melakukan sesuatu yang boleh menyelamatkan orang lain.

Muafakat dan persetujuan amat diperlukan untuk mengelakkan perpecahan yang menyebabkan timbulnya perasaan saling membenci, berbalah dan bermusuhan yang menjauhkan masyarakat daripada keselamatan dan kesejahteraan.

'Benang bercerai-cerai bukannya kain, dek rapat tetal tenunan kain, jarum pun tidak melusny', peribahasa ini mengingatkan kita bahawa kekuatan, kekukuhan dan keteguhan hubungan dalam sesebuah masyarakat dapat menepis perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan permuafakatan.

Pada zaman jahiliah, masyarakat hidup dalam keadaan yang tidak tenteram.



Mereka saling berperang sesama sendiri, mengamalkan asabiah, iaitu hidup secara berpuak-puak dan taasub terhadap kabilah masing-masing.

Allah S.W.T. tidak membiarkan keadaan ini terus berlaku, lalu mengutus rasul akhir zaman Nabi Muhammad SAW untuk membawa rahmat bagi sekalian alam.

Dengan kebijaksanaan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T., baginda mengubah tabiat masyarakat pada masa itu secara keseluruhannya, mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya Islam dan menghapuskan fahaman yang sempit yang membelenggu kehidupan mereka.

Barulah masyarakat jahiliah menyedari bahawa mereka amat memerlukan agama yang boleh menyatupadukan dan bukannya memecahbelahkan. Dengan memilih Islam, mereka dapat menjalani kehidupan yang selamat di dunia dan sejahtera di akhirat.

Terdapat lima langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan

permuafakatan yang membentuk perpaduan yang dikehendaki dapat direalisasikan.

1) Menjadikan masjid, yakni rumah Allah yang mulia sebagai tempat untuk saling memperkenalkan Islam kepada masyarakat.

Kita hendaklah memastikan masjid bebas daripada medan perbalahan dan perselisihan yang berpanjangan.

Kita boleh berbeza pendapat tetapi pastikan perbezaan pendapat itu tidak menjadikan kita tidak bertegur sapa atau saling membenci.

2) Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, perbincangan, kerja sosial, kebajikan dan sebagainya.

Jika setiap insan hanya duduk bersendirian tanpa mengambil berat keadaan sekelilingnya, mustahil permuafakatan dan perpaduan dapat diwujudkan.

3) Menghormati perbezaan latar belakang pendidikan.

Kita sedia maklum bahawa dalam masyarakat ada golongan yang mempunyai pendidikan yang pelbagai.

Misalnya ada yang menguasai bidang perniagaan, pendidikan, ekonomi, keagamaan, kejuruteraan, perubatan dan sebagainya.

Alangkah manisnya jika kita menjadikan kepelbagaian latar belakang ini sebagai ruang untuk saling menyempurnakan antara satu sama lain.

4) Mengetahui pasti perkara pokok dan perkara cabang dalam disiplin ilmu. Dalam Islam, aqidah merupakan asas yang perlu difahami dan dihayati.

Tidak ada kompromi dalam soal aqidah. Akan tetapi, dalam hal fiqh misalnya, ada perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana dan cendekiawan, menjadikan kita tidak terikat pada satu-satu pandangan.

Dalam hal ini, kita hendaklah merujuk pihak yang berautoriti dalam pengurusan hal ehwal Islam supaya kita tidak terlalu taksab memegang pada pendapat yang tertentu serta menolak pendapat yang tidak sehaluan dengan kita.

5) Meraikan perbezaan bangsa dan keturunan

Setiap insan ada peranannya yang tersendiri dalam memastikan keharmonian bermasyarakat dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Elakkan perbuatan ejek-mengejek, fitnah-memfitnah, sindir menyindir dan memandang orang lain dengan pandangan yang menghina.

**Tarikh: 31 Mei 2024**



# Kerajaan Negeri rangka pelan galakan hasil dwicangkerang

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan sudah mula merangka pelan pengambilan hasil dwicangkerang.

Exco Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, hasil ujian terkini yang dilakukan mendapati perairan pantai Port

Dickson mempunyai kandungan biotoksin sebanyak 498 per billion (ppb).

"Ia merupakan kali pertama kandungan biotoksin berada di bawah 800 ppb setelah hampir lapan kali sampel diambil.

"Saya juga telah mengarahkan

satu lagi analisis identifikasi jenis plankton sebelum sebarang keputusan membenarkan pengambilan kupang diumumkan kepada masyarakat.

"Dalam masa sama, saya yakin bahawa kupang di perairan pantai Port Dickson akan kembali selamat untuk dimakan tidak lama lagi.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menasihati semua pengguna agar terus mematuhi arahan pihak berkuasa agar tidak memungut dan memakan hasil dwicangkerang daripada perairan Port Dickson selagi kandungan biotoksin berada di bawah paras bahaya," kata Jalaluddin.

## Nelayan diminta kuasai rantai bekalan makanan: FAIZ

**PORT DICKSON:** Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, adalah penting bagi nelayan terutamanya persatuan nelayan menguasai semua perniagaan dalam nilai rantai bekalan termasuk pemasaran dan hiliran.

"Ini perlu supaya hasil tangkapan dimanfaatkan untuk meningkatkan pendapatan dalam usaha menaik taraf sosio-ekonomi nelayan," ujarnya.

Muhammad Faiz berkata demikian selepas menyantuni 22 orang nelayan di bawah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Port Dickson. Semua nelayan tersebut menerima



sumbangan pukat dengan peruntukan sebanyak RM45,000.

"Pemberian touch point adalah bagi mendorong nelayan untuk lebih aktif meningkatkan hasil tangkapan ikan bagi memastikan

bekalan ikan yang cukup dan terjaga kepada rakyat.

"Saya turut menyerahkan bantuan wang zakat Nekmat berjumlah RM1,700 kepada 17 orang nelayan asnaf.

"Saya turut melawat beberapa buah jeti di sekitar. PNK Port Dickson mempunyai 373 orang ahli nelayan dan jumlah pendaratan ikan pada tahun 2023 sangat sedikit sekitar 576,641 kilogram dan oleh itu usaha bersepadu perlu diambil bagi memodenkan nelayan dalam meningkatkan jumlah tangkapan ikan.

"Harga ikan boleh distabilkan sekiranya bekalan ikan seimbang," jelas Muhammad Faiz.

Kepedulian LKIM dan Kerajaan Perpaduan berasaskan agenda Malaysia Madani kepada golongan nelayan terus disuburkan.

## Projek Padi Pulut bakal kurangkan kebergantungan import

**LANGKAWI:** Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu telah melancarkan Program Gelombang Padi Langkawi: Projek Padi Pulut Langkawi SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di bawah seliaan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Bukit Hantu, Langkawi.

Mohamad berkata, projek ini bakal membantu meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara sekali gus mengurangkan kebergantungan import berkaitan hasil produk beras pulut.

"Permintaan terhadap pulut dalam negara meningkat saban tahun sehinggakan kerajaan Malaysia perlu berbelanja sebanyak RM10 juta setahun untuk membeli

beras pulut dari luar negara seperti Thailand dan Vietnam.

"Bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan negara, KPKM bersedia untuk mempromosi dan mengangkat kelestarian amalan pertanian terbaik dalam penghasilan padi pulut bagi menjamin bekalan makanan negara melalui Program Padi Pulut SMART SBB Ala Sekinchan di bawah seliaan BERNAS.

"Saya mengalu-alukan kehadiran lebih banyak pemain industri, terutama syarikat peneraju di bawah program SMART SBB Ala Sekinchan untuk tampil dengan idea dan inovasi baharu supaya program tersebut dapat dibangunkan bukan hanya untuk padi, tetapi juga tanaman lain," jelas Mohamad.

Menurut Mohamad, sebagai sokongan projek, kerajaan akan membina sebuah kilang padi pertama di Langkawi dengan anggaran kos sebanyak RM8.9 juta di Tapak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi, Kampung Bukit Hantu Mukim Ulu Melaka.

"Kilang padi ini dijangka siap pada tahun 2025 dan mampu untuk memproses semua jenis padi yang ditanam di Langkawi.

"Kilang padi ini berkonsepkan 'glass-house' dan apabila siap nanti, ia diyakini mampu menarik pelancong untuk mempelajari dan melihat sendiri bagaimana padi pulut diproses sehingga menjadi beras," ujar Mohamad.





# PERBUATAN KHIANAT TERHADAP PENGURUSAN AIR DI NEGERI SEMBILAN



**Dr. Mohd Faudi Fadzil**  
Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan,  
Majlis Belia Malaysia

Pengurusan sistem rawatan dan pengagihan bekalan air di Negeri Sembilan adalah di bawah tanggungjawab **Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)** semenjak tahun 2009 yang sebelum itu dikendalikan oleh Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS), SAINS ditubuhkan selaras dengan proses penyusunan semula industri air negara di bawah kelolaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sepanjang penubuhan SAINS yang pada mulanya didanai oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan, syarikat tersebut menguruskan sumber air secara mandiri tanpa bantuan kewangan daripada pihak luar.

Kerugian dicatatkan oleh SAINS hanya pada tahun 2009, namun menjelang tahun 2010 dan seterusnya SAINS mula mencatatkan keuntungan.

Laporan Ketua Audit Negara terhadap SAINS menunjukkan prestasi yang positif semenjak tahun 2012, kejayaan SAINS menyelesaikan pembinaan Empangan Sungai Triang yang terletak di Jelebu pada tahun 2018 menjadikan bekalan air di Negeri Sembilan berada dalam keadaan mencukupi sepanjang tahun.

Namun tetap berlaku beberapa insiden masalah gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Negeri Sembilan, kawasan yang paling kerap terjejas adalah sekitar daerah Port Dickson.

Gangguan bekalan air sering berlaku di daerah Port Dickson akibat perbuatan khianat sesetengah pihak tidak bertanggungjawab, gangguan turut berlaku di daerah Seremban pada tahun 2023 namun kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh kerja naiktaraf dan pengalihan paip.

Perbuatan khianat yang mengakibatkan gangguan bekalan air di daerah Port Dickson telah mendapat perhatian Laporan Ketua Audit Negara, punca perbuatan khianat tersebut dilaporkan berkaitan kegiatan mencuri air melalui kaedah penyambungan paip air yang menyalahi undang-undang.

Perkara ini dikesan berlaku semenjak tahun 2010 lagi, kali terakhir kes sebegitu dikesan adalah pada 2019 melibatkan sebuah premis ternakan ikan hiasan di kawasan Rantau.

Kini daerah Port Dickson terus dibelenggu masalah gangguan bekalan air, namun ia kini disebabkan oleh isu kilang-kilang haram menjalankan aktiviti peleburan sisa bertoksik tanpa kelulusan pihak berkuasa sehingga mengakibatkan kesan terhadap alam sekitar dan kesihatan penduduk setempat.

Pada 5 Mei 2024 operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi terpaksa ditutup sementara berikutan terdapat bau minyak yang tinggi, akibatnya sebahagian besar kawasan Port Dickson akan mengalami gangguan bekalan air. Pada 24 Mei 2024 pula pihak berkuasa Negeri Sembilan berjaya membongkarkan operasi kilang haram yang mengakibatkan pencemaran air sekitar Sungai Linggi.

Keadaan ini membuktikan bahawa pentadbiran SAINS tidak mempunyai masalah dalam merawat dan mengagihkan air di seluruh Negeri Sembilan, perbuatan khianat daripada pihak tidak bertanggungjawab adalah punca sebenar gangguan bekalan air ini terus berlaku.

Malah Kerajaan Negeri Sembilan di bawah arahan Menteri Besar, Dato' Seri Aminuddin Harun telah memperuntukkan RM25 juta bagi menangani gangguan bekalan air di Port Dickson pada tahun 2022.

Segala usaha dan pelaburan ini menjadi sia-sia akibat perbuatan khianat pihak tidak bertanggungjawab. Namun prestasi SAINS tetap

perlu dipuji kerana kecekapan menguruskan masalah gangguan air dengan kadar segera, laporan yang diterima mendapat tindakan segera SAINS dengan cara penghantaran air melalui lori tangki dan penempatan tangki statik di tempat-tempat yang terlibat dengan gangguan.

SAINS juga mampu mengendalikan pengagihan air di luar Negeri Sembilan, SAINS telah menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bagi membantu Syarikat Air Terengganu (SATU) susulan masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus pada tahun 2021.

Justeru itu, isu gangguan bekalan air di Negeri Sembilan melibatkan daerah Port Dickson tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas SAINS dan Kerajaan Negeri Sembilan, ia akan hanya dapat ditangani melalui penguatkuasaan undang-undang yang tegas kepada premis yang mencuri air dan kilang haram yang mencemarkan punca air mentah.

Justeru itu, kerjasama dan maklumat daripada orang ramai adalah sangat penting bagi melaporkan kes-kes pencemaran.

Ini ialah kerana tidak mungkin anggota penguatkuasa boleh berada 24 jam di semua premis atau kilang yang berpotensi melepaskan sisa (air) bertoksik atau berkemua ke sungai berhampiran.

**Bantuan Warga Emas**  
**RM200**  
Sumbangan keceriaan tahunan warga emas berumur 70 tahun ke atas.

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

**Bantuan Perkahwinan**  
**RM500**  
setiap anak negeri yang mendirikan rumahtangga kali pertama.

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

# Penyertaan Minda Inovasi Dinamik 2024 telah dibuka



Sila scan untuk mendaftar dan maklumat lanjut

Persidangan Antarabangsa Minda Inovasi Dinamik Institut Pendidikan Guru (i-MInD IPG) 2024 membuka penyertaan kepada pelajar, warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pensyarah dari institusi selain KPM.

Terdapat 4 acara pertandingan iaitu:

- i-MInD Inovasi anjuran IPGM Kampus Ilmu Khas.
- i-MInD Pamer anjuran IPGM Kampus Bahasa Melayu.
- i-MInD Hibur anjuran IPGM Kampus Bahasa Antarabangsa.
- i-MInD SPPA anjuran IPGM Kampus Pendidikan Islam.

Yuran pendaftaran - Percuma

Hadiah wang tunai:

- Johan - RM1,000**
- Naib Johan - RM800**
- Ketiga - RM600**

Pertandingan peringkat saringan akan diadakan secara dalam talian.

Manakala pertandingan peringkat akhir pula akan diadakan di Hotel Casuarina@Meru Ipoh pada 23-25 September 2024.

## UJANG & INDUK



## HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita ingin membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Hasil kreatif tersebut boleh di hantar ke:  
**bmsmedia.ns@gmail.com**

Setiap hasil kreatif akan menerima cenderahati dari pihak negerikita.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Sila sertakan maklumat asas seperti nama, alamat dan nombor telefon.

# Peluang industri pelancongan di Kuala Pilah

## Anak Minang

Penggiat Budaya

Hasil tahunan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sembilan pada 2023 dianggarkan berjumlah RM450 juta, bidang pelancongan turut membantu menyumbang melalui pungutan hasil cukai yang berjumlah RM159.84 juta (35.52 peratus).

Jumlah ini dilihat sangat signifikan dan boleh menggambarkan peluang pelancongan yang lebih besar untuk menyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri pada masa hadapan.

Persoalan yang muncul adalah tema pelancongan yang sesuai diangkat di Negeri Sembilan bagi menarik lebih banyak pelancong.

Negeri Sembilan telah bergerak ke hadapan bagi menarik pelancong daripada luar negara dengan rancangan menjadikan jeti penumpang Port Dickson sebagai destinasi persinggahan kapal persiaran mewah dari dalam dan luar negara.

Melalui perancangan tersebut Port Dickson akan menjadi pintu masuk kepada pelancong luar negara yang melayari kapal persiaran mewah selain Pelabuhan Klang, Selangor.

Kerajaan Negeri sedang dalam perbincangan bersama Genting Dream Cruise dan beberapa pihak lain untuk membentuk komuniti pengendali kapal persiaran di pelabuhan tersebut.

Setelah pelabuhan ini siap dibina kelak (dijangka memakan masa lima tahun proses pembinaan bermula pada tahun 2023), maka pelancong luar negara yang singgah akan mula meneroka kawasan-kawasan menarik di Negeri Sembilan.

Justeru itu, Negeri Sembilan yang terkenal sebagai Tanah Adat perlu mula mengangkat kawasan seperti Kuala Pilah yang kaya dengan produk pelancongan berasaskan Adat Papatih.

Produk pelancongan yang ada di Kuala Pilah berasaskan Adat Papatih dapat dilihat daripada produk makanan, kesenian muzik, bangunan dan budaya masyarakat tempatan.

Pelancong yang singgah ke Kuala Pilah sangat kerugian jika tidak merasai resepi masak lemak cili api menggunakan produk yang disalai (ayam, daging, ikan keli dan itik).

Terdapat beberapa pengusaha tempatan yang mengusahakan produk tersebut namun antara yang paling terkenal adalah Zaini Salai House yang telah beroperasi lebih 30 tahun.

Kuala Pilah juga terkenal dengan Istana Lama Seri Menanti. Istana ini berusia lebih 100 tahun dibina tanpa menggunakan sebarang paku besi.

Terdapat pertubuhan kesenian yang membuat Persembahan Muzik Caklempong di istana lama tersebut. Ahli persembahan terdiri daripada pelajar sekolah berdekatan dengan inisiatif untuk mempertahankan seni budaya tempatan.

Masyarakat tempatan di Kuala Pilah juga masih mengamalkan budaya seperti 'Berendoi'.

Budaya ini dilakukan dengan mendendangkan lagu-lagu yang dinyanyikan secara beramai-ramai ketika menidurkan bayi, ia mengandungi nasihat kepada anak-anak dan juga ibu bapa.

Budaya berendoi seterusnya akan diikuti oleh upacara 'bercukur' melibatkan bayi yang sedang diraikan.

Kesemua produk pelancongan ini tidak mungkin dapat dirasai di negeri lain, jauh sekali di negara luar.

Justeru itu, dalam usaha Kerajaan Negeri cuba untuk menambah pendapatan supaya belanjawan tahunan dapat dijadikan berimbang maka pendapatan melalui sektor pelancongan perlu diberi perhatian.

Menjadi suatu kerugian jika produk pelancongan kesenian yang sedia ada di Kuala Pilah tidak dimanfaatkan menjelang siapnya pembinaan pelabuhan kapal persiaran mewah di Port Dickson.

# Ada apa di Port Dickson?

**Edzwan Ashraf**

Port Dickson merupakan salah satu destinasi pelancongan yang sangat terkenal dalam negara kita. Bagi orang negeri Sembilan, ianya sudah tidak asing lagi. Manakan tidak, kalau boleh setiap minggu kita akan ke sana.

Hal ini kerana Bandar Tentera Darat itu mempunyai pelbagai tarikan menarik kepada kita dan juga kepada masyarakat di luar sana.

Oleh itu, dalam edisi Teroka Daerah ini, saya akan mencadangkan beberapa tempat menarik untuk anda rancang perjalanan anda sekiranya anda ingin ke sana.

Sudah tentu kepada pengunjung luar yang datang ke Port Dickson (PD) ingin menikmati keindahan pantai yang ada di sini, tetapi tidak mungkin sekadar menikmati pemandangan, apatah lagi jika kita membawa kanak-kanak bersama kita sekali sudah tentu mereka ingin mandi sekali di pantai tersebut walaupun pada asalnya hanya main air sikit sahaja.

Oleh itu, cadangan terbaik adalah Pantai Blue Lagoon Port Dickson atau dipanggil sebagai Pantai Tanjung Tuan. Ini kerana lokasinya yang terletak berdekatan dengan Tanjung Tuan.

Suasana di sini sangat tenang, sedikit jauh daripada jalan utama, yang sudah pasti hanya suara ombak dan kanak-kanak bersorak kegembiraan sahaja yang bermain di telinga kita.

Tapi bagaimana pula jika kita nak mengopi sambil menikmati laut? Takkan tiada tempat menarik di PD ni? Sabar tuan puan, sudah semestinya ada. Malahan kita mempunyai pilihan yang banyak kerana kita di PD.

Lokasi pertama adalah Kopilah Kopi yang terletak di Pantai Batu 1, Port Dickson. Di sini kita dapat mengopi sambil menikmati pemandangan laut atau dalam terma generasi hari ini 'healing'.

Kawasannya yang luas memberikan kita kemudahan parkir, lepak sambil bertukar cerita bersama pasangan ataupun rakan-rakan.

Lokasi kedua pula adalah Kopi Pantai Port Dickson yang terletak di Tanjung Tanah Merah, Port Dickson. Kedai ini sedikit tersorok di belakang bangunan-bangunan di sini.

Tetapi saya dapat memberi jaminan bahawa di sini anda dapat menikmati pantai sambil menghirup air kopi anda dengan sangat tenang.

Mandi sudah, mengopi tepi pantai pun sudah, mestilah perut rasa lapar setelah melakukan aktiviti kan? Di bawah ini saya senaraikan beberapa kedai makan menarik untuk anda semua pergi sambil menikmati air tangan orang PD sendiri.

## 1. Iddikkek Salai & Claypot

## 2. Ayam bakar Station Port Dickson

## 3. Gigi Lepad Mini Uptown & Cafe

Selepas melepak, bermandi-manda dan makan, kita mesti mahu meluruskan badan. Mereka yang datang dari jauh sudah semestinya memerlukan rehat dan bergerak pulang pada esok hari. Di PD pelbagai jenis hotel yang anda boleh dapati daripada pelbagai senarai harga. Daripada paling murah hingga paling mahal.

Bagi mereka yang mencari hotel untuk bermalam pada harga bajet adalah Merlin Hotel. Hotel ini memberi anda harga permulaan serendah RM103 yang pastinya berbaloi.

Rata-rata warganet juga turut memberikan respon yang positif terhadap hotel ini.

Tetapi sekiranya anda mahukan hotel yang lebih mahal dan mempunyai kemudahan dan keselesaan yang jauh lebih baik tidak lain tidak bukan, Lexis Hibiscus merupakan cadangan terbaik. Di sini anda dapat menikmati bilik di atas air laut PD sambil menikmati 'private pool' anda sendiri.

Kesimpulannya, PD merupakan satu daerah yang sangat menarik untuk anda kunjungi, yang tersenarai di dalam ini hanyalah sedikit berbanding dengan lokasi-lokasi menarik yang sebenar.

Oleh itu, jika anda ingin meneroka daerah ini, teroka lah sehabisnya kerana anda pasti tidak akan merasa rugi. Baiklah, kita jumpa dalam Teroka Daerah akan datang.

Agak-agak anda daerah mana pula ya yang akan menjadi pilihan? Nantikan!



# PENGARAH SPRM NEGERI SEMBILAN



**AWGKOK AHMAD  
TAUFIK PUTRA  
B. AWG ISMAIL**

**Kelulusan** Ijazah Sarjana Muda Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Pendidikan Awal** Sekolah Rendah Dato Pengiran  
Mohamad Oya, Sarawak

Beliau merupakan anak kelahiran Sarawak dan telah mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Dato Pengiran Mohamad Oya, Sarawak. Kemudian telah mendapat Pendidikan Menengah di Sekolah Menengah Three Rivers Mukah, Sarawak sehingga ke tingkatan 5.

Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Institut Teknologi Mara Kampus Sarawak (kini UiTM Sarawak) pada tahun 1988 di peringkat Diploma Pengurusan Perniagaan dan seterusnya beliau melanjutkan Pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di peringkat Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

Sebelum berkhidmat sebagai penjawat awam beliau terlebih dahulu bertugas di sektor swasta di Sarawak selama 6 tahun dan pada 3 November

1997 beliau telah di tawarkan jawatan sebagai Penolong Penguasa Badan Pencegah Rasuah (BPR) di Cawangan Sibu Sarawak. Beliau telah menjadi pegawai penyiasat selama 17 tahun dan pernah bertugas di BPR Sibu, Sarawak, di BPR Cawangan Tawau Sabah, di Ibu Pejabat SPRM, SPRM Kota Kinabalu Sabah, SPRM Pulau Pinang, SPRM Melaka dan SPRM Negeri Sembilan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau adalah sebagai Ketua Unit Siasatan, Ketua Siasatan Negeri SPRM Sabah, Timbalan Pengarah Pencegahan di SPRM Pulau Pinang dan Pengarah SPRM Melaka serta Pengarah SPRM Negeri Sembilan sejak bulan September 2021.

## Petikan Ucapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan di Program Anti-Rasuah Bersama Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Adun, 4 Mac 2024

Suka saya sentuh sedikit apa yang disampaikan oleh Tan Sri Azam berkenaan peranan ahli politik dalam memerangi jenayah rasuah dan statistik rasuah dari kalangan ahli politik.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ahli politik merupakan golongan yang sentiasa dikaitkan dengan jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Seksyen 23 Akta SPRM 2009 perlu menjadi panduan bagi kita sebagai ahli politik.

Akta ini menyebut secara khusus perkataan "menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan".

Saya amat yakin Yang Berhormat di hadapan saya sangat sedar akan kesalahan tersebut dan cuba sedaya upaya untuk tidak terlibat dengan jenayah tersebut.

Sebagai rekod di Negeri Sembilan, sepanjang saya mentadbir antara 2018 sehingga 2023, Alhamdulillah, tiada seorang pun Adun atau Exco yang disabitkan dengan akta tersebut.

Mungkin ada yang bertanya apakah rahsiannya? Mungkin Menteri Besarnya adalah bekas pegawai SPRM. Tetapi saya kira salah laku rasuah ini benar-benar bergantung kepada tahap integriti setiap orang yang diberi kuasa dan kedudukan.

Saat inilah ujian sebenar bagi seseorang yang jika sebelum ini selalu menyebut untuk memerangi rasuah, maka apabila diberi kuasa, apakah dia mampu mempertahankan prinsip yang dipegang selama ini.

Malaysia hari ini sudah ada contoh yang boleh diharapkan untuk membentaras rasuah iaitu YAB Perdana Menteri. Selama ini kita hanya mendengar tuduhan-tuduhan liar yang cuba mengaitkan beliau dengan amalan salah guna kuasa.

Setelah 1 tahun 4 bulan menjadi Perdana Menteri, kita tidak dapat melihat mana-mana Ahli Kabinet Kerajaan Perpaduan terlibat dengan mana-mana jenayah rasuah. Baru-baru ini YAB Perdana Menteri sekali lagi mengeluarkan amaran keras kepada semua Menteri-menteri kabinet. Sebelum itu pada 11 Disember 2022 semasa pertemuan mahabbah bersama Ulama dan Asatizah di Kompleks Seri Perdana.

Untuk kali kedua, saya difahamkan program tersebut turut dihadiri oleh Tan Sri Azam iaitu di Sidang Kemuncak Anti-Rasuah Kebangsaan (NAC Summit) 2024. YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau akan memecat mana-mana Jemaah Menteri yang terlibat dengan rasuah.



# Negara Eropah mula iktiraf Palestin

DUNIA: Dalam keadaan Rafah diserang dengan teruk oleh puak rejim zionis, negara-negara di eropah mula mengiktiraf keberadaan negara Palestin di dalam peta dunia.

Kita dapat lihat apabila Sepanyol, Norway dan Ireland sudah mengumumkan mereka mengiktiraf negara Islam tersebut.

Perdana Menteri Ireland, Simon Harris berkata, mereka mengiktiraf Palestin selepas proses damai berakhir, tetapi kami mengambil langkah ini bersama Sepanyol dan Norway untuk keamanan.

Terbaru, Menteri Scotland, John Swinney berpendapat bahawa United Kingdom (UK) perlu mengikuti langkah yang

diambil oleh Ireland, Sepanyol dan Norway untuk mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara.

"Kita sedang berdepan krisis kemanusiaan di Gaza yang sudah berlarutan sekian lama.

"Apa yang penting sekarang adalah menguatkuasakan gencatan senjata dengan segera.

"Penjualan senjata juga perlu dihentikan bagi menstabilkan situasi," kata John.



## Trump 'ikut' Najib

NEW YORK: Bekas Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump bakal 'mengikut' jejak Dato' Seri Najib Razak apabila beliau akan dipenjarakan kerana didapati bersalah terhadap 34 pertuduhan.



Ini kerana beliau dituduh memalsukan rekod perniagaan untuk menyembunyikan bayaran yang bertujuan mulut bintang lucah, Stormy Daniels menjelang pemilihan presiden pada 2016.

Pemimpin Republikan itu boleh dijatuhkan hukuman empat tahun penjara bagi setiap pertuduhan. Walau bagaimanapun, perkara tersebut tidak menghalang beliau daripada meneruskan agenda menentang Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden pada 5 November ini walaupun dipenjarakan.

Ironinya, kedua-dua individu berpengaruh ini pernah berjumpa pada ketika mereka menjadi Ketua Negara masing-masing. Kini, kedua-dua mereka juga dipenjarakan kerana didapati bersalah di mahkamah.

Cuma yang membezakan antara mereka adalah seorang boleh bertanding dalam Pilihan Raya walaupun di dalam penjara dan seorang lagi tidak dibenarkan menjadi calon dalam Pilihan Raya.

## 'Block Out Movement' menular di Malaysia

'Block Out Movement' ini bermula daripada serangan yang dikenakan kepada Rafah, Gaza yang kononnya "safe zone" yang diperkatakan oleh rejim Zionis.

Mengakibatkan mangsa tidak tahu mahu ke mana lagi kerana Rafah merupakan satu-satunya tempat yang masih selamat, namun dikhianati laknatullah Zionis yang masih meledakkan bom pada khemah-khemah pelarian.

Tiada tempat-tempat berlindung, tiada makanan dan kehilangan ahli keluarga menyebabkan tumpuan dunia kepada Rafah semakin meluas di media sosial sama ada di negara barat mahupun di negara kita, Malaysia.

Di kala genosid Palestin yang berlarutan setelah sekian lamanya hingga sekarang, artis antarabangsa sibuk memperagakan kemewahan dan membutakan mata di acara 'Met Gala' pada 6 Mei yang lepas tanpa menunjukkan rasa simpati dan empati kepada mangsa-mangsa di Rafah.

Oleh sebab itu, netizen di Barat yang sudah meluat melihat perkara tersebut mengambil langkah dengan memulakan 'Block Out Movement' ini dengan menyenaraikan artis-artis A-list yang

perlu diboikot dengan alasan mereka yang mempunyai berjuta pengikut di sosial media konten dan boleh menggunakan peluang untuk mengubah dunia namun mereka masih membisu.

Boikot dilakukan dengan para netizen mula nyah-ikut atau dalam erti kata lain 'unfollow' selebriti popular di TikTok, X dan Instagram.

Trend ini turut tular di Malaysia, di mana selebriti dan artis yang sibuk memperagakan kemewahan dengan tajaan yang menyumbang kepada Israel seperti Dato' Sri Vida, Ayda Jebat, Mawar Rashid, Nabil Ahmad, Intan Najwa, Ruhainies dan ramai lagi.

Manakala selebriti seperti Nur Fazura, Yuna, Daiyan Trisha, Nadia Brian, Haneesya Hanees dan beberapa lagi pula dikategorikan sebagai artis yang patut diikuti netizen kerana mereka menyatakan sokongan terhadap Palestin.

Akibat daripada gerakan yang dilakukan oleh netizen ini menyebabkan kebanyakan artis mengalami penurunan jumlah pengikut yang mendadak, begitu juga sebaliknya.

# Siri Kedua Negeri Sembilan 7even Wonders Challenge meriah dengan 1,000 peserta



**NILAI:** Siri Kedua Program Negeri Sembilan 7even Wonders Challenge: Road To HSN 2024 yang diadakan di Bukit Melati menerima 1,000 penyertaan.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Mustapha Nagoor berkata, penganjuran program ini adalah komitmen Kerajaan Negeri Sembilan dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas.

"Ia juga adalah untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih aktif serta membudayakan sukan.

"Terima kasih kepada semua penaja, agensi dan jabatan kerajaan yang turut menjayakan program ini," kata Mustapha.



## PBNS beri penekanan kepada pembangunan infrastruktur dan pemain muda

**SEREMBAN:** Persatuan Bolasepak Negeri Sembilan (PBNS) memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur, latihan pemain muda, dan penyelarasan program pembangunan.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan

Belia PBNS, Mustapha Nagoor berkata, ia adalah satu platform penting untuk membincangkan isu-isu penting dalam pembangunan bolasepak di negeri kita ini.

"Dalam mesyuarat, kami telah mengambil peluang

untuk meneliti pelbagai inisiatif yang boleh meningkatkan pembangunan bolasepak di Negeri Sembilan.

"Saya berharap usaha bersama dalam jawatankuasa ini, kita dapat memperkasakan lagi

pembangunan bolasepak negeri kita.

"Terima kasih kepada wakil-wakil daripada NSFC, MSN Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, NFDK dan CCNS yang turut Bersama," kata Mustapha.

## Islam pertahan takhta

ISLAM Makhachev mempertahankan takhta selaku petarung 'pound for pound' nombor satu di dunia dalam kategori Lightweight selepas menumpaskan Dustin Poirier di UFC 302 pada 2 Jun 2024.

Kemenangan itu menyaksikan Islam mengekalkan tali pinggang Lightweight bersamanya.

Dalam pertarungan itu, naik turun pertarungan antara Poirier dan Islam sangat sengit kerana sering membalas tumbukan.

Kehadiran bekas Presiden AS, Donald Trump dan penyokong US memenuhi stadium di Newark, New Jersey, Amerika Syarikat bersorak menyokong Poirier

yang pantang menyerah dan cuba sedaya upaya melepaskan tumbukan padu dalam usaha 'menidurkan' Islam.


Pertarungan yang berlarutan hingga pusingan kelima itu menyaksikan kedua-dua petarung tidak menyerah kalah dengan Poirier sentiasa dapat melepaskan diri daripada cubaan kunci Islam. Namun begitu, berbekalkan latihan dan pengalaman pertarung kelahiran Dagestan ini, Islam berjaya menjatuhkan Poirier sebelum melakukan D'Arce Choke (kunci tangan dan kepala serentak) untuk menamatkan pertarungan dalam tempoh 2 minit 42 saat dan hampir menidurkan Poirier yang diselamatkan oleh tapout beliau.

"Joe, apa lagi yang saya mahukan dalam divisyen saya? Saya mahu tali pinggang baharu, kan bagus kalau ada yang baharu. kata Islam kepada pengulas UFC yang ditujukan kepada Joe Rogan bahawa dia sudah untuk beralih ke divisyen Welterweight.

Katanya lagi, "Apa pun, pertarungan hari ini melangkaui jangkaan saya. Dustin berjaya menahan dirinya daripada 'take down' dan pujian harus diberikan kepadanya"

"Dustin petarung yang hebat dan dia adalah legenda dalam sukan ini," ujarnya lagi.

Sebelum ini, Islam mempertahankan tali pinggang Lightweight ketika dua kali berdepan Alex Volkanovski di



UFC 284 di Perth, Australia dan UFC 294 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Kemunculan Khabib Numagomedov ke Oktagon sebagai paskan jurulatih Islam selepas bersara dari dunia UFC pada 2020 selepas kematian tragis bapanya, Abdulmanap

akibat jangkitan Covid-19 berada di penjurong kem Islam bersama ketua jurulatih mereka, Mjavier Mendez.

Islam yang memegang rekod 26-1 dinobatkan juara Lightweight

buat kali pertama selepas menumpaskan raja divisyen tersebut, Charles Oliveira dalam UFC 280 di Abu Dhabi pada 22 Oktober 2022.

# YNS gerakkan Pusat Pembangunan Bakat dan Kerjaya

**SEREMBAN:** Yayasan Negeri Sembilan (YNS) telah menggerakkan Pusat Pembangunan Bakat dan Kerjaya atau ringkasnya NEST.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, NEST bertujuan menguruskan bakat-bakat dalam

kalangan anak-anak Negeri Sembilan dengan kerjasama pintar beberapa syarikat. "Antara syarikat tersebut adalah Talent Corporation (TalentCorp), Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan Negeri Sembilan Skills Development Centre (NSSDC).

"Ini kerana saya mahukan lebih

ramai anak Negeri Sembilan pulang ke 'lopak kito' untuk membina kerjaya, keluarga dan kehidupan yang sejahtera. "Melalui pusat pembangunan tersebut sudah pasti dapat menarik dan mencungkil bakat yang ada dalam diri anak Negeri Sembilan dan akhirnya memberi faedah kepada negeri ini

semula," kata Aminuddin.

Dalam pada itu, YNS juga dikhabarkan akan mewujudkan Pusat dan Data Kecemerlangan Yayasan Negeri Sembilan yang akhirnya akan membuat sesi libat urus dengan anak-anak negeri.

## Tekong NS Antlers permata sepak takraw negara

**KUALA LUMPUR:** Pemain sepak takraw NS Antlers yang juga merupakan tekong muda negara, Muhammad Haziq Hairul Nizam menjadi tonggak penting skuad regu Malaysia yang muncul juara di ISTAF 2024.

Keyakinan ketua jurulatih sepak takraw negara, Ahmad Jais Baharun terhadap pemain muda seperti Haziq mempunyai potensi yang cukup besar untuk menjadi tonggak utama pada masa akan datang.

Katanya lagi, pendedahan pemain-pemain muda

dalam perlawanan penting melibatkan skuad negara agar mereka bersedia menggalas tanggungjawab selaku pemain utama nanti.

Kemenangan acara regu di Piala Dunia Sepak Takraw 2024 yang lepas menjadi pembakar semangat buat Haziq dan pemain muda yang lain untuk terus berlatih.

Semoga skuad sepak takraw negara dapat menjadi juara dunia dan mengekalkan takhta itu.



## Takumi Sasaki dalam radar pasukan lain

**SEREMBAN:** Selepas mempamerkan aksi yang menawan dalam beberapa perlawanan, pemain import baru Negeri Sembilan FC (NSFC) Takumi Sasaki kini menjadi perhatian beberapa pasukan dalam kancah liga super.

Pada perlawanan pertama menentang JDT, Takumi yang memperagakan aksi lincah di atas padang berjaya menarik minat dalam kalangan penyokong sendiri dan pihak lawan.

Malahan kini, dikatakan bahawa pasukan seperti JDT dan Selangor

bersedia untuk mendapatkan khidmat pemain tersebut pada jendela perpindahan akan datang. Adakah Negeri Sembilan akan kehilangan lagi pemain yang berkualiti seperti Takumi ini?

Sudah beberapa musim kita dapat lihat bahawa pemain yang mula menempa nama di sini pada akhir musim akan berpindah ke pasukan yang lebih kuat.

Jika ianya berterusan, bilakah NSFC bersama penyokong akan merangkul piala?





# SUKAN NEGERI KITA

## Doubles Malaysia bergelar JUARA DUNIA

**KUALA LUMPUR:** Skuad sepak takraw doubles negara yang dibintangi oleh Aidil Aiman Azwawi-Noraizat Nordin dan pemain simpanan Baihakki A'ripin memberikan persembahan yang cemerlang dengan berjaya menewaskan Thailand dan sekaligus menjuarai kejohanan Piala Dunia ISTAF buat pertama kalinya dalam acara doubles.

Skuad negara mendahului dengan kemenangan 10-3 di set pertama dan meneruskan perjuangan sehingga mengakhiri perlawanan dengan kemenangan bergaya.

Anak buah kendalian Jais Baharu berjaya menundukkan skuad Thailand dengan 'straight set'.



## Negeri Sembilan pertahan juara softball

**KUANTAN:** Pasukan softball Negeri Sembilan berjaya mempertahankan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut.

Exco Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mustapha Nagoor berkata, kejuaraan tersebut dirangkul setelah menumpaskan Johor di

acara akhir Kejohanan Softball Terbuka Kebangsaan Kali Ke-48.

"Paling manis adalah dalam acara ini Negeri Sembilan berjaya melakukan 'clean-sheet' kerana tanpa mata balas daripada pihak lawan dalam semua peringkat.

"Kejohanan ini merupakan persiapan pasukan kebangsaan bagi temasya Sukan SEA 2025 yang akan berlangsung di Bangkok, Thailand.

"Tahniah dan terima kasih kepada seluruh kakitangan Majlis Sukan Negeri Sembilan," kata Mustapha.



## Malaysia tewas kepada musuh tradisi Thailand di Piala Dunia ISTAF

**KUALA LUMPUR:** Keputusan penuh 2-1 dalam acara berpasukan Piala Dunia ISTAF meleburkan impian skuad sepak takraw Malaysia untuk menamatkan kemarau setelah di kalahkan oleh musuh tradisi Thailand.

Kemenangan regu pertama yang dibarisi pemain berpengalaman Syahir Rosdi (tekong), Nor Azlan Alias (apit kanan) dan Farhan Adam (apit kiri) menewaskan regu pertama Thailand dalam tiga set (9-15, 15-11, dan 15-13) membangkitkan semangat penonton di stadium mahupun di rumah.

Namun begitu, semangat semakin menurun apabila regu kedua yang dibarisi Haziq Nizam (tekong) Noraizat Nordin dan Amirul Zazwan Amir mempamerkan persembahan yang longlai mengakibatkan regu kedua tewas straight set (8-15, 5-15).

Walaupun begitu, ber-

bekalkan doa peminat dan kecekalan regu ketiga cuba mencari kemenangan dengan membuat pertukaran taktikal, menggantikan perejam dan tekong di pertengahan set pertama.

Zarif Marican dan Shaharil Aiman masuk menggantikan Zuhri Zain dan Baihakki A'ripin namun tidak dapat mengubah keputusan dengan tewas kepada Thailand.

Kekecewaan terserlah yang ditunjukkan penyokong setia sepak takraw Skuad Malaysia kerana gagal menyambung rentak yang cemerlang setelah menggondol gelaran juara dalam acara Doubles dan regu pada 23 Mac lepas.

Penantian berakhir kekecewaan setelah 33 tahun menanti sejak kali terakhir skuad negara bergelar juara mengalahkan Thailand pada Sukan SEA Manila edisi 1991.